



PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 5015]

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18:
Kebakaran di Bangunan Lama Bank Bumiputra, Kuala Lumpur [Ruangan 5043]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 5045]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1981 [Ruangan 5046]

Jawatankuasa—

Jadual [Ruangan 5046]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1981 [Ruangan 5046]

Jawatankuasa —

USUL PENANGGUHAN DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18:

Kebakaran di Bangunan Lama Bank Bumiputra, Kuala Lumpur [Ruangan 5090]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.**
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**
- ” **Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**
- ” **Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**
- ” **Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**
- ” **Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**
- ” **Menteri Wilayah Persekutuan, DATO AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).**
- ” **Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**
- ” **Menteri Pelajaran, DATO MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**
- ” **Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).**
- ” **Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**
- ” **Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**
- ” **Menteri Penerangan, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).**
- ” **Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).**
- ” **Menteri Perusahaan Utama, DATO PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).**
- ” **Menteri Pertanian, DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).**
- ” **Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).**

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungei Siput).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- ” Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- ” Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, PUAN CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, S.M.S. (Ulu Langat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- ” TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- ” TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- ” TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- ” TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- ” TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- ” TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- ” DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA’KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- ” DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- ” TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- ” DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- ” TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- ” TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR, A.D.K. (Kimanis).
- ” TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).

Yang Berhormat DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).

- ” TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- ” TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- ” TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- ” TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- ” TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- ” DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- ” DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- ” TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- ” TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- ” TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- ” TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- ” TUAN V. DAVID (Damansara).
- ” TUAN EDWARD ESSEN UNANG (Mukah).
- ” DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S., (Batang Lupar).
- ” DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- ” TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- ” DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- ” DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- ” TUAN HAJI HASHIM BIN ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- ” TUAN HAJI HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- ” TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- ” DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- ” TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- ” DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- ” TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- ” TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- ” TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- ” TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- ” TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- ” TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- ” TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- ” TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- ” TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- ” DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).

Yang Berhormat TUAN LEE KAW (Kluang).

- ” TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- ” TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- ” TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- ” TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- ” DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- ” TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- ” TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- ” TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- ” TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K., (Kota Belud).
- ” TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- ” TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- ” TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- ” TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- ” TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- ” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- ” TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- ” TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- ” TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- ” DATO' NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- ” DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- ” TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- ” TUAN PATRICK ANAK UREN (Mas Gading).
- ” TUAN P. PATTO (Menglembu).
- ” TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- ” DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- ” DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- ” DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- ” TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- ” TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- ” TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- ” PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED, A.M.N., B.S.I., P.S.I. (Semerah).
- ” TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).

Yanh Berhormat TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).

- ” TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- ” TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- ” TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- ” TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- ” DR. TAN TIONG HONG (Kepong).
- ” TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- ” TUAN TING CHIK MING (Bruas).
- ” TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- ” TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- ” WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- ” WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- ” TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- ” DATUK DR. WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- ” TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- ” PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- ” DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- ” DATO' HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- ” TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN-PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom bin Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Rabu, 5hb November, 1980

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN
PENANAMAN SEMULA HUTAN
OLEH SYARIKAT SWASTA

1. Tuan Au How Cheong minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan berlanjutan dengan jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pada 31hb Mac, 1980 di Dewan ini berapakah bilangan syarikat swasta yang telah diberi kawasan hutan 50,000 ekar dan mengambil bahagian dalam rancangan menanam semula hutan-hutan yang dibalok itu.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat sebanyak 16 buah syarikat swasta termasuk syarikat-syarikat usahasama di antara agensi-agensi Kerajaan dengan syarikat-syarikat luar negeri dan tempatan yang telah diberi kawasan perjanjian untuk membalak seluas 50,000 ekar atau lebih. Daripada jumlah tersebut 8 buah syarikat telah disyaratkan supaya menjalankan kerja-kerja pemuliharaan hutan dan menanam semula hutan-hutan yang telah dibalok itu. 8 buah syarikat ini adalah terdiri daripada kompleks-kompleks perkayuan yang menjalankan kerja-kerja pembalakan dalam Kawasan Hutan Simpan Kekal.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya, selepas syarikat-syarikat swasta ini telah mengusahakan untuk menanam semula kayu-kayuan itu kawasan-kawasan itu akan menjadi hakmilik mereka sendirilah ataupun masih dimiliki oleh Kerajaan.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon minta notis.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, daripada 16 buah syarikat-syarikat terdapat 8 buah syarikat yang dikehendaki menanam semula hutan-hutan yang dibalokkan itu.

Soalan saya yang pertama, kenapakah yang 8 lagi itu tidak dikenakan syarat-syarat supaya ditanam semula dan soalan yang kedua, sejauh manakah tindakan yang telah diambil oleh 8 buah syarikat yang telah dikenakan syarat tersebut di dalam usaha menanam semula hutan-hutan sepertimana yang dikehendaki.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, daripada 16 buah syarikat yang diberi lesen itu terdapat 8 buah syarikat yang disyaratkan. Soalan Yang Berhormat tadi ialah mengapa syarikat yang 8 buah itu tidak disyaratkan untuk menanam semula.

Sebabnya ialah:

- (1) Perjanjian bagi syarikat-syarikat tersebut ini ditandatangani sebelum tahun 1974;
- (2) Syarikat-syarikat ini merupakan syarikat baru dan perjanjian masih belum ditandatangani; dan
- (3) Kawasan yang diluluskan adalah kawasan untuk dibuka bagi tujuan pertanian.

Soalan yang kedua ialah sejauh mana syarikat-syarikat yang diarahkan itu telah berjaya menjalankannya, saya minta notis juga.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan mengenakan sesuatu wang peraturhan ataupun penalti yang lain untuk menjamin supaya kerja-kerja penanaman semula itu benar-benar dijalankan oleh syarikat-syarikat berkenaan.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum.

Tuan Lim Cho Hock: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Kerajaan meluluskan undang-undang menahan Wakil Rakyat di peringkat Parlimen atau peringkat Negeri daripada memohon dan dapat tanah Kerajaan oleh kerana kita nampak ramai Wakil Rakyat di setengah-setengah negeri dapat banyak ekar tanah Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu luar daripada soalan asal.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu dari Kementerian berkenaan dalam 16 buah syarikat swasta ini berapa syarikat swasta ini adalah syarikat asing dan berapa syarikat ini ada joint-venture.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi memerlukan detail, jadi saya perlu juga notis.

JAWATAN TINGKATAN TERTINGGI DALAM PERKHIDMATAN PERUBATAN

2. Dr Chen Man Hin minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar terdapat ket'dak-seimbangan yang teruk dalam jawatan-jawatan tingkatan tertinggi di antara Perkhidmatan Awam dan Perkhidmatan Perubatan, dan ini adalah sebab utama yang menyebabkan pakar-pakar perubatan meletakkan jawatan, dan sama ada langkah-langkah akan diambil untuk memperbaiki anomali tersebut.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat itu Kerajaan adalah sedar bahawa terdapat perbezaan di antara jawatan-jawatan tingkatan tertinggi di dalam Perkhidmatan Awam. Atas kesedaran ini Kerajaan telah bersetuju untuk menyusun semula struktur organisasi jawatan-jawatan tertinggi di bawah Kementerian Kesihatan, pejabat-pejabat Pengarah Negeri, Hospital dan juga Perkhidmatan Pergigian dan Kimia Ubat.

Dalam penyusunan semula ini perhatian khas telah ditumpukan kepada doktor-doktor pakar untuk memberi lebih banyak lagi jawatan tingkatan tertinggi. Bagi tahun 1980 sahaja sebanyak 27 jawatan tingkatan tertinggi telah diwujudkan sebagai tambahan kepada jawatan-jawatan yang sedia ada.

Selain daripada itu beberapa jawatan tingkatan tertinggi juga telah dinaikkan gred mereka. Banyak lagi jawatan-jawatan tingkatan tertinggi bagi mereka itu akan diwujudkan bagi tahun 1981 dan seterusnya hingga tahun 1985. Walau bagaimanapun, penyusunan semula struktur organisasi ini belum selesai lagi sepenuhnya. Adalah dijangka hingga tahun 1985 lebih daripada 200 jawatan tingkatan tertinggi baru akan diwujudkan dan beberapa jawatan juga telah dipersetujui dinaikkan gred. Ini ialah bukti yang jelas menunjukkan kesediaan Kerajaan untuk memperbaiki kedudukan perkhidmatan perubatan. Dengan adanya jawatan-jawatan baru ini peluang kenaikan pangkat bagi doktor-doktor akan bertambah baik.

Dalam masa yang sama kajian struktur organisasi bagi lain-lain jawatan di bawah Kementerian Kesihatan sedang juga dijalankan bertujuan untuk menaikkan gred jawatan dan mewujudkan jawatan-jawatan baru tingkatan tertinggi.

Dr Chen Man Hin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam rancangan menyusun semula gred-gred tingkatan tertinggi untuk doktor-doktor pakar, adakah Kerajaan bersetuju diadakan satu ratio yang adil kerana dalam Perkhidmatan Awam (Civil Service) rationya ialah satu jawatan Superscale untuk 2-3 jawatan Timescale tetapi dalam Perkhidmatan Perubatan rationya satu jawatan Superscale untuk 10 jawatan Timescale. Adakah Kerajaan sedar akan perbezaan ini?

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, dalam memikirkan soal ratio ini, ini bergantung kepada perkhidmatan yang diperlukan. Apa juga pertimbangan yang akan difikirkan oleh Kerajaan adalah banyak bergantung kepada kehendak perkhidmatan itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 3.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang adalah atas nama Ahli Yang Berhormat dari Pagan.

JALAN-JALAN BARU OLEH PEMBORONG

3. Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan adakah beliau sedar bahawa jalan-jalan yang baru dibina, (termasuk lebuhraya) selalunya tidak tahan lama iaitu selepas hanya beberapa bulan sahaja diserahkan oleh pihak pemborong kepada JKR maka jalan-jalan tersebut mulai berlubang-lubang. Adakah disebabkan oleh pihak pemborong tidak mengikut syarat-syarat yang telah dikenakan oleh pihak JKR atau pihak JKR tidak mengawasi jalan-jalan tersebut dengan teliti, sebelum menerimanya dari pihak pemborong berkenaan.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, saya adalah sedar tentang kerosakan tersebut di atas tetapi adalah dimaklumkan bahawa kerosakan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidaklah merupakan kerosakan yang besar tetapi adalah kerosakan yang kecil sahaja. Kerosakan kecil ini adalah merupakan perkara biasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat setiap kontrak yang diberikan kepada pemborong wang tahanan sebanyak 5% daripada harga tawaran adalah tidak akan dibayar kepada pemborong walaupun kerja-kerja telah disiapkan. Wang ini biasanya akan digunakan bagi memperbaiki kerosakan-kerosakan kecil tersebut. Adalah juga dimaklumkan bahawa kerosakan tersebut bukanlah disebabkan oleh pemborong-pemborong tidak mengikut syarat yang telah dikenakan oleh JKR, sebaliknya pihak JKR sentiasa mengawasi kerja-kerja yang sedang dijalankan.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri

sama ada beliau sedar bahawa hari ini terdapat perbezaan mutu ataupun quality jalan di antara jalan-jalan yang dibina oleh pihak JKR dengan jalan-jalan yang dibina melalui kontrak, misalnya di antara jalan yang dibina oleh kontrak daripada Kuala Lumpur ke Tanjung Malim. Jalan ini boleh dikatakan mutunya tinggi tetapi jalan-jalan yang dibina sendiri oleh JKR mutunya kurang memuaskan. Jadi kenapakah berlaku perbezaan ini?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak benar.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sama ada Yang Berhormat Menteri sedar terdapat jalan-jalan di kawasan jajaan Kerajaan Tempatan yang telah dibina mengikut syarat-syarat yang dikenakan oleh Kerajaan Tempatan pada masa itu tetapi kuasa untuk membina jalan itu telah diserahkan balik kepada JKR dan JKR tidak menerima jalan-jalan itu. Ini telah mengakibatkan kebanyakan jalan-jalan di kawasan Kerajaan Tempatan itu tidak dapat diperbaiki. Dapatkah pihak Kementerian ini memberi bantuan untuk memperbaiki jalan-jalan itu.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya minta ulang balik kerana saya tidak dengar.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila ulang semula.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, terdapat jalan-jalan di kawasan Kerajaan Tempatan yang telah dibina mengikut syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak Kerajaan Tempatan tetapi ada satu masa tertentu kuasa untuk membina ataupun menyenggarakan jalan-jalan itu telah diserahkan balik kepada JKR tetapi pihak JKR tidak mahu menerima jalan-jalan itu. Kedu-dukan ini mengakibatkan bahawa kebanyakan jalan-jalan di kawasan Kerajaan Tempatan itu tidak dapat diperbaiki. Dapatkah Yang Berhormat Menteri memberi bantuan atas perkara ini.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, jalan-jalan di dalam sempadan Kerajaan Tempatan bukanlah dikuasai oleh Kementerian Kerjaraya. Walau bagaimanapun,

Kementerian Kerjaraya akan menjadi satu agensi untuk memberi nasihat kepada tiap-tiap Kerajaan Tempatan. Jikalau mereka tidak ikut taraf yang ditetapkan oleh JKR sememangnya JKR tidak boleh menerima jalan itu sebab selepas pembinaan jalan itu JKR akan bertanggungjawab untuk menjaga. Sebab itu bila kontraktor atau pemaju tidak ikut syarat yang dikenakan oleh JKR, saya fikir tentulah Kementerian Kerjaraya dan juga Jabatan Kerja Raya tidak boleh menerima jalan-jalan itu.

Tuan Alias bin Md. Ali: Perbezaan mutu jalan yang dibina oleh kontraktor luar negeri dan yang dibina oleh JKR memang ada walaupun Menteri itu tidak sedar kerana Yang Berhormat Menteri selalu naik kapal-terbang, tidak selalu naik kereta bila pergi ke sana ke mari. Soalan saya ialah apakah langkah-langkah yang diambil oleh Yang Berhormat itu untuk mengupgradakan mutu kepandaian (skill) pekerja-pekerja JKR supaya bukan sahaja mereka boleh membina jalanraya dengan baik setanding dengan yang dibina oleh kontraktor luar negeri tetapi juga bila mereka ada kepandaian dan teknologi, mereka boleh mengawasi pembinaan jalanraya yang dibuat oleh kontraktor-kontraktor private.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman dan juga faedah Ahli Yang Berhormat, apabila saya melawat kawasan-kawasan yang lebih daripada 150 batu saya naik kapal-terbang; kalau tidak, saya naik kereta, yang mana saya sendiri sedar apakah taraf jalan itu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerjaraya telah mengambil semua tindakan untuk menaikkan taraf jalan-jalan yang ada, bukan sahaja di bandar tetapi juga di luar bandar.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tadi di dalam jawapan Menteri berkenaan beliau menyatakan bahawa adanya kerosakan-kerosakan kecil di dalam masa yang singkat setelah jalan-jalan itu dibaiki bukan kerana tidak memenuhi syarat dan walaupun syarat-syarat telah dipatuhi tetapi kerosakan itu timbul juga. Adakah ini menunjukkan bahawa syarat-syarat itu tidak lengkap dan syarat-syarat itu tidak cukup sempurna bagi menjamin bahawa jalan-jalan yang dibina itu tidak berlaku kerosakan dalam jangka waktu yang singkat.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, syarat-syarat yang dikenakan oleh JKR ialah ketat dan lengkap. Yang kedua, faktor-faktor kerosakan jalan di luar bandar dan juga jalan di luar kawasan JKR dan pemborong-pemborong ialah:

- (1) Cuaca buruk
- (2) Tanah runtuh
- (3) Muatan lori yang lebih melalui jalan tersebut.

Satu sejarah telah berlaku dalam negara kita, Tuan Yang di-Pertua, iaitu sebelum kita siapkan jalan-jalan tersebut adalah banyak di antara lori-lori balak telah gunakan jalan-jalan itu. Tidak ada satu Undang-undang di dalam negara kita yang mana kita boleh tahan atau kita boleh mengambil tindakan ke atas mereka. Walau bagaimanapun, Kementerian saya telah meminta kerjasama daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk mengambil tindakan atas lori-lori itu.

Tuan Yang di-Pertua: Mengapa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pula? (Ketawa).

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa kurangnya mutu (quality) projek-projek yang dikendalikan oleh JKR adalah oleh sebab pegawai-pegawai teknikal JKR tidak dapat memberi tumpuan khas di dalam pengawasan pembinaan projek-projek ini memandangkan mereka ini terpaksa juga menghabiskan masa yang banyak dalam kerja-kerja pentadbiran dan juga perkeranian. Dan jika sedar, adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk membanyakkan lagi pegawai-pegawai awam, pegawai-pegawai civilian dan juga kerani-kerani supaya pegawai-pegawai teknikal ini dapat memberi tumpuan khas di dalam kerja-kerja pengawasan projek.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, apa dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak benar. Sebab kerja-kerja dan tiap-tiap kontrak JKR telahpun dapat dijalankan dengan pengawasan personnels yang berkali-kali.

ELAUN RUMAH KEPADA SEMUA PERINGKAT KAKITANGAN KERAJAAN

4. **Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang untuk memberi elaun rumah kepada semua peringkat kakitangan Kerajaan sebagaimana yang diberikan kepada pegawai-pegawai Tingkatan Tertinggi G ke atas memandangkan bahawa kakitangan peringkat rendah menerima tekanan hidup yang lebih teruk daripada pegawai-pegawai tinggi dan sama ada beliau sedar bahawa kenaikan gaji yang dikuatkuasakan baru-baru ini tidak mengikut Consumer Price Index yang sebenar, akibatnya penyemakan tersebut mendatangkan tidak puas hati kebanyakan kakitangan Kerajaan. Jika tidak, mengapa.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, di dalam gaji yang dibayar kepada pegawai-pegawai Kerajaan di dalam Tingkatan Kanan dan ke bawah adalah diperuntukkan juga unsur bantuan sewa rumah. Kemasukan bantuan unsur sewa rumah yang telahpun dimasukkan dalam gaji adalah bertujuan untuk membantu kakitangan yang berkenaan bagi mengurangkan masalah perumahan masing-masing.

Berhubung dengan soalan Ahli Yang Berhormat itu mengenai kedudukan penyelarasan gaji yang berkuatkuasa baru-baru ini, Kerajaan memanglah tidak menggunakan Angka Tunjuk Harga Pengguna (Consumer Price Index). Syor yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sukar dilaksanakan disebabkan oleh angka tunjuk tersebut adalah sentiasa berubah-ubah. Di samping itu perlulah diingatkan bahawa prinsip penentuan gaji yang diamalkan sekarang adalah berdasarkan kepada upahan untuk kerja (rate for the job), kelulusan dan latihan. Konsep ini adalah didapati lebih menasabah dan teratur dan ianya akan terus digunakan agar jumlah gaji dan elaun yang diterima di antara kakitangan Kerajaan dan sektor swasta adalah seimbang. Dengan demikian Kerajaan dapat mengekalkan perseimbangan pasaran buruh dalam negeri. Walau bagaimanapun, Angka Tunjuk Harga Pengguna atau lain-lain angka tunjuk, yang menggambarkan kadar saraan hidup adalah juga

sentiasa diambil kira sebagai panduan apabila mengadakan satu-satu penyelarasan gaji di samping kedudukan ekonomi negara dan juga keupayaan Kerajaan menampung perbelanjaan terhadap perkara tersebut.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa dalam kenaikan gaji baru-baru ini memang kita setuju prinsip yang diambil. Tetapi dasar yang diamal ini adalah sangat memeranjatkan iaitu kenaikan gaji di antara Superscale 'G' ke atas dengan tingkatan di bawah adalah sangat jauh perbezaan khususnya dalam bentuk elaun yang diberikan. Memang dari gaji tidak berapa jauh, tetapi dari bentuk elaun berlaku demikian. Umpamanya, Superscale 'G', mereka dapat durian gugur lebih \$2,000 dalam bentuk elaun.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, apabila Kerajaan mengadakan skim gaji beberapa faktor terpaksa ditimbang. Dan di dalam hubungan ini tentulah perkara-perkara yang berkaitan itu harus diambil perhatian bukan sahaja mengenai dengan kedudukan pegawai itu sendiri tetapi juga lain-lain perkara seperti tugas yang berkenaan. Dalam hubungan ini tentulah kita tidak dapat memberi gaji sama rata ataupun elaun sama rata kepada semua kakitangan Kerajaan kerana tugas masing-masing itu adalah berlainan dari satu pegawai kepada satu pegawai yang lain lebih-lebih lagi apabila mereka itu memegang jawatan-jawatan yang berlainan. Walau bagaimanapun, pada pendapat Kerajaan apa yang telah diberikan kepada pegawai Kerajaan pada masa ini terutama sekali apabila kenaikan gaji dilakukan maka elaun-elaun yang dahulunya kecil pun telah dinaikkan oleh Kerajaan. Dan pada masa ini Kerajaan sangat berpuas hati dengan elaun-elaun yang telah diberikan itu dan kita anggap ianya adalah sangat sesuai.

CODE OF CONDUCT FOR LINER CONFERENCES

5. **Tuan Oo Gin Sun** minta Perdana Menteri menyatakan, memandangkan baru-baru ini Negara-negara Membangun telah merempuh melalui Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu bagi Perdagangan dan Kemajuan (UNCTAD) rumusan 40:40:20 yang termasyur itu di

mana empat puluh peratus (40%) diperuntukkan kepada perdagangan bagi pasukan negara-negara pengekspot; empat puluh peratus (40%) bagi para pengimpot dan dua puluh peratus (20%) bagi perdagangan persilangan oleh mereka yang di luar adakah perbincangan dengan perkapalan kita berjaya mendapatkan suatu tempat berdasarkan kod UNCTAD itu.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, formula 40:40:20 yang terkandung dalam Code of Conduct for Liner Conferences yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat telah diluluskan oleh United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD) pada tahun 1974. Tujuan utama Kod ini ialah untuk mengawal kegiatan perkapalan dunia dan juga mendapatkan penyertaan yang berpatutan bagi pengangkutan barang-barang dalam perdagangan antarabangsa bagi syarikat-syarikat perkapalan negara-negara yang sedang membangun.

Kod ini sepatutnya akan berkuatkuasa enam bulan selepas 24 buah negara dengan muatan (tonnage) perkapalan dunia (bagi tahun 1973) sebanyak 25% mengesahkannya. Walaupun pada masa ini sebanyak 48 buah negara telah mengesahkan Kod tersebut, tetapi ianya belum dapat diperkuatkuasakan kerana keseluruhan muatan kapal negara-negara tersebut hanyalah 18.71% sahaja daripada muatan kapal dunia. Kebanyakan negara-negara yang telah maju dalam bidang perkapalan belum lagi mengesahkan kod tersebut.

Malaysia bercenderung untuk mengesahkan kod tersebut dan sedang mengkaji implikasi penguatkuasaannya. Oleh kerana kod ini belum dapat dilaksanakan lagi pada masa ini, maka soal sama ada perbadanan perkapalan kita berjaya mendapatkan suatu tempat berdasarkan kod tersebut belum lagi timbul.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Tan Tiong Hong.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke 6.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson.

RANCANGAN PERUMAHAN—KELEWATAN MEMPROSES PELAN

6. Tuan Au How Cheong (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan kemajuan yang telah tercapai dalam usaha-usahanya untuk menyelesaikan kelewatan dalam hal kelulusan bagi setiap peringkat rancangan perumahan oleh badan-badan Kerajaan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedang mencari jalan untuk mempercepatkan proses meluluskan setiap peringkat rancangan perumahan oleh badan-badan Kerajaan. Dalam hal ini ingin saya terangkan bahawa kelulusan ubah syarat penggunaan tanah dari tapak pertanian kepada tapak perumahan adalah melibatkan dua peringkat. Pertamanya di peringkat Pejabat Daerah dan keduanya di peringkat EXCO Negeri. Di peringkat Pejabat Daerah rujukan perlu dibuat kepada beberapa agensi Kerajaan untuk memastikan tanah tersebut tidak diperlukan untuk lain-lain projek pembangunan umpamanya dan juga untuk memberitahu agensi-agensi tertentu kemungkinan tambahan bekalan air atau elektrik dan lain-lain kemudahan asas yang diperlukan di kawasan tersebut. Kelewatan memproses permohonan di peringkat ini dan juga di peringkat untuk mendapatkan kelulusan pelan rumah ada kaitannya dengan kekurangan tenaga yang dialami oleh hampir semua agensi Kerajaan. Ini adalah kerana bilangan kakitangan yang sedia ada terpaksa menjalankan kerja-kerja yang kian bertambah disebabkan tempoh pembangunan yang semakin meningkat. Usaha untuk mengisikan jawatan-jawatan yang diperlukan sedang berjalan di berbagai peringkat.

Lagi satu sebab kelambatan memproses pelan rumah ialah kerana pemohon tidak memberi maklumat yang lengkap dan pelan tersebut perlu dirujuk balik kepadanya untuk mendapatkan matlamat lanjut. Bagi mengurangkan kelambatan tersebut pemohon-pemohon dinasihatkan supaya memberi butir-butir lengkap sebagaimana yang diperlukan semasa mereka mengemukakan pelan-pelan rumah untuk diluluskan.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang

Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar tentang adanya cadangan suatu masa dahulu dari Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah supaya Kerajaan-kerajaan Negeri menubuhkan suatu task force bagi menyegerakan proses kelulusan ubah syarat untuk perumahan dalam tempoh 6 bulan. Jika sedar, dapatkah diberitahu apakah perkembangan di atas cadangan tersebut, sama ada telahpun dikemukakan secara rasmi dan telahpun dipersetujui oleh Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan.

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar akan syor ini dan Kementerian saya juga pernah memberi pandangan supaya Kerajaan-kerajaan Negeri menubuhkan unit-unit untuk mempercepatkan kelulusan sama ada mengubah syarat tanah ataupun meluluskan pelan-pelan rumah. Setakat ini satu percubaan telah diadakan oleh Kerajaan Negeri Perak dan telahpun diwujudkan suatu jawatankuasa untuk menimbangkan permohonan ubah syarat dan pemecahan tanah dan sebagainya. Tetapi adalah diharapkan supaya negeri-negeri lain juga mengikut contoh yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Perak ini bukan sahaja untuk menubuhkan jawatankuasa tetapi menubuhkan satu unit yang khusus di mana tenaga pegawai-pegawai dapat diselaraskan bagi mempercepatkan proses meluluskan permohonan-permohonan pemecahan tanah, pindah syarat tanah dan juga kelulusan pelan rumah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Wong Hoong Keat.

Tuan Fung Ket Wing: Tuan Yang di-Pertua, Soalan No. 7

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Sandakan.

DOKTOR-DOKTOR PAKAR

7. Tuan Fung Ket Wing (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangannya doktor tempatan yang ahli, telah diambil masuk ke dalam hospital-hospital

Kerajaan dan juga sebabnya mengapa hospital-hospital Kerajaan menghadapi masalah-masalah untuk mendapatkan perkhidmatan pakar-pakar tempatan dan untuk mengambil mereka untuk berkhidmat.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli Yang Berhormat hanya merujuk kepada bilangan doktor-doktor pakar yang berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan, terdiri daripada warganegara-warganegara Malaysia. Buat masa sekarang terdapat seramai 220 orang pakar-pakar yang sedang berkhidmat dengan kita, di mana 193 terdiri dari warganegara.

Sebilangan doktor-doktor dan doktor-doktor pakar ini meninggalkan perkhidmatan Kerajaan atas alasan-alasan mereka sendiri. Mereka tidak diwajibkan untuk menyatakan alasan-alasan mereka ini apabila mereka meletakkan jawatan. Kementerian Kesihatan, walau bagaimanapun, telahpun berjaya mengujudkan beberapa jawatan Tingkatan Tertinggi yang baru, di samping menaikkan taraf beberapa jawatan-jawatan tertentu yang ada pada tahun ini, bagi memperbaiki lagi prospek kerjaya pegawai-pegawai ini. Bersama-sama dengan kenaikan gaji untuk kakitangan-kakitangan awam, kadar pencen yang lebih baik dan berbagai kemudahan lagi, maka saya berharap bahawa doktor-doktor ini akan mendapati syarat-syarat perkhidmatan tersebut lebih menarik lagi untuk kekal berkhidmat dengan Kerajaan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, mengenai sebab-sebab pakar perubatan kita yang telah meninggalkan perkhidmatan Kerajaan, adakah Yang Berhormat Menteri itu sedar bahawa salah satu sebab mengapa pakar-pakar perubatan kita meninggalkan perkhidmatan Kerajaan ialah oleh kerana kenaikan pangkat yang tidak berdasarkan atas merit dan seniority akan tetapi kenaikan pangkat itu ada berdasarkan kepada sebab-sebab yang lain.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, ini tidak benar oleh kerana kenaikan pangkat diuruskan bukan sahaja dalam Kementerian Kesihatan bahkan itu diuruskan oleh satu Lembaga Kenaikan Pangkat luar dari Kementerian Kesihatan dan sebab-sebab yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidaklah diterima.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di antara sebab-sebab itu saya rasa Yang Berhormat Menteri Kesihatan tidak menyebutkan faktor-faktor berkenaan dengan job satisfaction. Banyak pakar-pakar perubatan berhenti oleh sebab keadaan kerja di tempat itu tidak sesuai. Misalnya, baharu-baharu ini ada seorang doktor pakar (cardiac surgeon) di Hospital Universiti telah meletakkan jawatan oleh sebab hal job satisfaction. Adakah Yang Berhormat Menteri Kesihatan sedar dan bolehkah diberikan job satisfaction kepada doktor-doktor pakar?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyatakan pegawai-pegawai ada job satisfaction ataupun tidak ini adalah satu urusan ikhtisas dan mereka diberikan kemudahan-kemudahan yang lengkap pada pendapat saya supaya mereka boleh menjalankan tugas ataupun profession mereka dalam suasana yang lengkap.

BAYARAN PAMPASAN KECEDEeraan KEPADA PEKERJA-PEKERJA

8. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa kadar bayaran gantirugi yang dibuat oleh syarikat-syarikat insuran kepada pekerja-pekerja di Sabah yang menemui kemalangan adalah sangat rendah jika dibandingkan dengan bayaran yang dibuat kepada pekerja-pekerja di Semenanjung Malaysia;
- (b) memandangkan bahawa bayaran ini tidak sama misalnya seorang isteri akan menerima hanya M\$7,000 sementara anak-anaknya memerlukan tanggungan bagi perbelanjaan sekolah dan sara hidup; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menyamakan bayaran gantirugi ini antara Sabah dan Semenanjung Malaysia.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, untuk jawapan soalan:

- (a) Saya sedar bahawa kadar bayaran pampasan yang dibayar kepada pekerja-pekerja di Sabah yang mengalami

kecederaan semasa bekerja, adalah rendah jika dibandingkan dengan bayaran yang dibuat kepada pekerja-pekerja di Semenanjung Malaysia.

- (b) Pada masa ini kadar maksima pampasan yang dibayar di Sabah kepada balu dan orang-orang tanggungan yang ditimpa kemalangan maut adalah sebanyak \$7,200 sementara kadar maksima bayaran pampasan yang dibayar di Semenanjung Malaysia bagi kemalangan yang sama ialah \$14,400.
- (c) Tindakan telah dan sedang diambil oleh Kementerian saya untuk memperluaskan Ordinan Pampasan Pekerja, 1952 ke Sabah dan Sarawak tidak berapa lama lagi, supaya undang-undang ini dapat dipakai di semua-semua negeri di Malaysia.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak bertanya walaupun pampasan yang diperolehi itu adalah berlainan, adakah premium yang dikenakan itu sama?

Tuan William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat itu ulang lagi sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tolong ulang lagi sekali pertanyaan itu.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, kita telahpun mendengar bahawa pampasan (compensation) yang diberikan itu adalah kurang tetapi premium insurans itu adakah sama?

Tuan William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, premium itu adalah berbeza.

Datuk Haji Sakaran bin Dandai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bayaran gantirugi yang dibayar kepada pekerja-pekerja yang menimpa kemalangan dalam menjalankan tugas mereka di negeri Sabah kecil jumlahnya berbanding dengan di Semenanjung, tetapi ada pula syarikat-syarikat ataupun pemborong-pemborong yang melambat-lambatkan atau enggan membayar wang gantirugi kepada keluarga si malang. Contohnya, Tuan Yang di-Pertua, seorang pekerja bumiputra, Aspari bin Maharati, telah meninggal dunia serta-merta

sewaktu menjalankan kerja memuatkan kayu balak di Kimanis, Papar apabila Allahyarham itu terbanting ke kayu balak dan jatuh ke dalam laut, hingga ke hari ini mayatnya tidak dijumpai. Dan

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahannya apa Yang Berhormat?

Datuk Haji Sakaran bin Dandai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya adakah kejadian serupa ini keluarga Allahyarham itu boleh mendapat gantirugi dan apakah tindakan yang boleh diambil oleh Kementerian terhadap perkara serupa ini? Kejadian ini berlaku pada bulan Februari, 1979. Sehingga hari ini kalau agaknya belum mendapat gantirugi walaupun sudah berkali-kali berjumpa pegawai-pegawai

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan ini cukuplah.

Tuan William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, kes ini sebenarnya saya kurang tahu hal tetapi saya harap jikalau Yang Berhormat itu boleh sampaikan kes ini kepada Jabatan Buruh di Kota Kinabalu, tindakan boleh diambil.

GAJI BARU KAKITANGAN KERAJAAN

9. Tuan Lee Kaw minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beberapa negeri di negara kita menghadapi kesulitan untuk mendapatkan wang yang cukup untuk membayar gaji baru kakitangan-kakitangan Kerajaan yang disemak semula; jika ya, sama ada Kerajaan Pusat akan mengkaji semula (upward revision) pemberian capitation supaya dengan berbuat demikian wang untuk negeri-negeri boleh ditambah terutama sekali bagi negeri-negeri yang menghadapi masalah-masalah kewangan.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, jawapannya tidak benar oleh kerana mengikut apa yang diketahui oleh saya tidak ada satu negeri pun yang menghadapi kesulitan untuk mendapatkan wang yang cukup bagi membayar gaji baru kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan.

PELAN INDUK KUALA LUMPUR

10. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah kemajuan yang telah dibuat setakat ini dalam penyediaan satu Pelan Induk yang sempurna untuk Kuala Lumpur, sama ada orang ramai akan diberikan peluang menyuarakan sesuatu pandangan dalam perumusan pelan itu dan jika begitu, apakah tindakan yang telah diambil setakat ini ke arah itu dan bilakah Pelan Induk itu dijangkakan siap.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bandaraya telah dipertanggungjawabkan menyediakan Pelan Induk dan menjalankan kajian luar mengumpul dan menganalisa data-data. Setakat ini ia sudahpun menyiapkan kajian-kajian sektor. Sebanyak 16 sektor telah dikaji dan di antara yang penting ialah kajian mengenai penduduk, ekonomi, kedudukan, sosial, perumahan, setinggan dan pengangkutan. Kajian-kajian mengenai 16 sektor ini telahpun selesai dan kedudukan sekarang ini ialah Dewan Bandaraya sedang menyiapkan report of survey yang mengandungi semua kajian-kajian sektor tersebut. Sebelum Pelan Induk ini diluluskan dan dikuatkuasakan, orang ramai akan dipelawa untuk mengemukakan pandangan dan bantahan terhadap Pelan Induk tersebut.

Kajian-kajian yang dijalankan untuk menyediakan Pelan Induk ini meliputi bidang yang luas dan menyentuh semua sektor-sektor penting bagi faedah penduduk taraf Kuala Lumpur sebagai ibu Negara Malaysia dan masa depan Bandaraya ini. Tiap-tiap satu sektor ini terpaksa dikajikan dengan cara menyeluruh dan komprehensif dan oleh itu berkehendakkan masa yang sewajarnya. Matlamat untuk menyiapkan Pelan Induk ini ialah pada pertengahan 1981.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya faham bahawa ada satu Unit Pelan Induk yang telah ditubuhkan bagi tujuan menguruskan perkara ini. Di sini suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau dapat memberitahu bilakah Unit Pelan Induk itu ditubuhkan dan berapa orang yang mengandungi unit itu dan sama ada kita ada mendapat bantuan daripada pakar-pakar luar negeri dalam hal menguruskan Pelan Induk itu.

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Pelan Induk ini telah ditubuhkan hampir dua tahun lamanya dan mengandungi pakar-pakar tempatan dan juga pakar-pakar di luar negeri yang telah diambil khusus untuk membantu dalam penyediaan Pelan Induk.

HARGA BARANG-BARANG PETROLEUM

11. Tuan Sibat Miyut anak Tagong minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa petrol, minyak tanah, diesel, gula dan lain-lain barang keperluan dijual oleh pekedai-pekedai dan pengedar-pengedar pada harga yang terlalu tinggi di kawasan pedalaman Sarawak meskipun harga ditetapkan oleh Kerajaan. Apakah langkah-langkah yang diambil dan telah diambil guna memastikan iaitu penduduk pedalaman yang miskin tidak dieksplot.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik): Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya harga barang-barang adalah lebih tinggi di kawasan pedalaman kerana kos pengangkutan merupakan satu unsur besar dalam kos pemasaran.

Bagi barang-barang petroleum seperti petrol, minyak tanah dan diesel harga yang ditetapkan oleh Kerajaan adalah berbeza mengikut kawasan. Harga-harga barangan ini adalah ditingkatkan dengan menggunakan Kuala Lumpur sebagai tempat asas (base) bagi Semenanjung Malaysia, Kuching bagi Sarawak dan Kota Kinabalu bagi Sabah. Peningkatan harga (ladder pricing) ini adalah perlu untuk mengambil kira kos pengangkutan ke kawasan-kawasan luar dari pusat-pusat itu. Jika sekiranya kos pengangkutan ini tidak diberikan, maka besar kemungkinan tidak ada peniaga-peniaga yang berminat membekalkan barangan ini ke kawasan pedalaman jauh dari bandar-bandar pusat. Bagi barang-barang lain yang mana kos pengangkutan tidak merupakan faktor kos yang penting seperti gula, harga yang ditetapkan oleh Kerajaan adalah menyeluruh.

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sedar tentang adanya pihak-pihak tertentu terutama di kawasan pedalaman yang mengambil kesempatan untuk meng-

eksplotasikan struktur harga yang telah ditetapkan oleh Kerajaan dan dalam hubungan ini, ingin saya menegaskan bahawa Kerajaan sentiasa mengawasi keadaan ini dengan melakukan pemeriksaan-pemeriksaan dan pengawasan-pengawasan yang rapi untuk memberkas pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Walau bagaimanapun, untuk menentukan satu penghasilan yang betul-betul berkesan kerjasama daripada orang ramai adalah diperlukan, bukan sahaja setakat memberikan maklumat ke a'as peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab bahkan untuk tampil ke hadapan mendedahkan amalan-amalan curang yang dilakukan itu. Untuk mencapai objektif ini, Kementerian bercadang untuk membuka lebih banyak lagi cawangan-cawangan Bahagian Penguatkuasa di seluruh Negara.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ismail bin Said.

Tuan Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 12.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Dungun.

LEMBAGA PENASIHAT ORANG TAHANAN

12. Tuan Awang bin Jabar (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sejak tertubuhnya Lembaga Penasihat pada 1hb Januari, 1977 jumlah rayuan yang diterima dari orang-orang tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dan Ordinan Dharurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 untuk dipertimbangkan dan dari jumlah ini berapa pula yang telah mendapat pertimbangan dan pengampunan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, jumlah rayuan-rayuan yang diterima oleh Lembaga Penasihat dari orang-orang tahanan sejak tahun 1977 adalah:

(a) di bawah Ordinan Dharurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 adalah seperti berikut:

Tahun 1977	...	447	rayuan
1978	...	124	„
1979	...	94	„
1980	...	49	„

(b) di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 adalah seperti berikut:

Tahun 1977	...	144 orang
1978	...	74 ..
1979	...	135 ..
1980	...	39 ..

Semua rayuan-rayuan ini telah dipertimbangkan dan 9 orang dari yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 telah dibebaskan. Tidak ada pembebasan bagi mereka yang ditahan di bawah Ordinan Dharurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang.

Tuan Fung Ket Wing: Tuan Speaker, soalan No. 14.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Sandakan.

IAN GRANT—PROFESSOR PERUBATAN

14. Tuan Fung Ket Wing (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar Professor Perubatan Pertama Universiti Kebangsaan Malaysia, Ian Grant, telah meletakkan jawatannya setelah berkhidmat setahun sahaja dari assignment dua tahunnya kerana sebab-sebab berikut:

- keengganan pihak Universiti Kebangsaan Malaysia untuk melantik pensyarah-pensyarah bukan Melayu yang lebih berkelibar jika dibanding dengan rakan-rakan sejawat mereka keturunan Melayu;
- pengenaan langkah-langkah yang "discriminatory" seperti mengenakan peperiksaan yang sukar dalam Bahasa Malaysia atas perkara-perkara yang tidak ada kaitan langsung dengan perubatan dan dengan membuat demikian menahan kenaikan gaji pensyarah-pensyarah bukan Melayu; dan
- pensyarah-pensyarah Melayu dilantik untuk mengetuai berbagai-bagai jabatan sedangkan terdapat pensyarah-pensyarah bukan Melayu yang mempunyai

kelayakan dan pengalaman yang lebih baik; nyatakan tindakan yang diambil untuk menghentikan langkah-langkah yang sungguh "discriminatory" itu serta juga mengwujudkan suasana kerja yang lebih munasabah dan baik di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam): Tuan Yang di-Pertua, perletakan jawatan-jawatan Professor Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia, Ian Grant, selepas berkhidmat selama setahun ialah atas kehendaknya sendiri dan dibuat bukan atas sebab-sebab yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Untuk mengelakkan apa-apa salah faham dan kemungkinan perasaan tidak percaya rakyat atas mutu tinggi Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia berhasil daripada soalan ini, sukalah saya mengambil kesempatan menjelaskan beberapa perkara berikut.

Pertamanya, perlantikan pensyarah-pensyarah di Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia adalah berdasarkan kepada merit sungguhpun, di mana yang sesuai, hasrat dasar negara diberi pertimbangan yang saksama. Kriteria yang diutamakan ialah kelayakan dan pengalaman akademik dan perkhidmatan. Berdasarkan dengan kriteria ini, pada tahun 1978 iaitu pada masa Professor Ian Grant berkhidmat, dari 9 Professor, 8 adalah bukan Bumiputra. Pada 1979, daripada 8 Professor, 6 adalah bukan Bumiputra. Di peringkat Professor Madya pula daripada 7, 3 adalah bukan Bumiputra pada tahun 1978. Dalam tahun yang berikutnya, di antara 10 Professor Madya, 6 adalah bukan Bumiputra. Di peringkat Pensyarah pula, dan di mana kelayakan dan pengalaman di kalangan Bumiputra dan bukan Bumiputra adalah lebih baik, nisbah tenaga pengajar pada tahun 1978 ialah, daripada 65 pensyarah, 28 adalah bukan Bumiputra. Pada 1979 pula, daripada 84 pensyarah, 39 adalah bukan Bumiputra.

Kedua, Peperiksaan Perkhidmatan Kerajaan adalah dikenakan kepada semua pegawai Kerajaan dan Pegawai-pegawai dalam badan-badan berkanun, tanpa mengira apa perkhidmatan pegawai itu berkhidmat. Ini adalah mengikut surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 13/77 yang berkuatkuasa pada 1hb Januari, 1978 yang dikeluarkan oleh Jabatan

Perkhidmatan Awam bagi Pegawai-pegawai di Kumpulan A dan B dalam mana pegawai-pegawai tersebut mesti lulus Peperiksaan Am Kerajaan sebagai memenuhi syarat perkhidmatan awam. Semua pegawai-pegawai yang masih berkhidmat dalam percubaan pada atau selepas 1hb Januari, 1978, termasuklah jawatan yang dipegang oleh Professor yang berkenaan, dikehendaki lulus peperiksaan tersebut di samping sebarang peperiksaan lain sebelum disahkan. Dengan itu langkah ini tidaklah boleh dikatakan "discriminatory" tetapi dikenakan kepada semua pegawai Kerajaan dan badan-badan berkanun.

Berkenaan dengan soalan kelulusan Bahasa Malaysia pula, syarat ini adalah menjadi syarat perlantikan kepada semua perkhidmatan Kerajaan, termasuklah perkhidmatan di universiti-universiti. Di Universiti Kebangsaan Malaysia, sebelum tahun 1977, semua tenaga pengajar dalam fakulti perubatan yang dilantik telah lulus Bahasa Malaysia kecuali mereka daripada luar negeri yang mana syarat ini dilonggarkan. Selepas tahun 1977, semua perlantikan tenaga pengajar di fakulti tersebut telah ada kredit dalam Bahasa Malaysia. Oleh itu, soalan menggunakan Bahasa Malaysia sebagai satu langkah menyekatkan pengesahan tidak berbangkit.

Ketiga, kriteria-kriteria untuk melantik seseorang pengajar sebagai mana-mana Ketua Jabatan adalah berdasarkan kepada:

- (i) sama ada pegawai itu ada berkebolehan untuk membuat tugas-tugas pentadbiran kerana tanggungjawab Ketua-ketua Jabatan adalah kebanyakannya "administrative" sahaja. Oleh itu, adalah lebih berfaedah jika tenaga pengajar yang berkelayakan tinggi dan pengalaman yang luas dari segi akademik diberi peluang untuk menumpu dan meninggikan kebolehan mereka dalam bidang akademik; dan
- (ii) sama ada pegawai itu cekap menguruskan kerja-kerja resmi dalam Bahasa Malaysia disebabkan hampir semua urusan resmi pentadbiran adalah dalam Bahasa Malaysia. Oleh itu, di dalam soal perlantikan Ketua-ketua Jabatan, kriteria kelayakan akademik serta "seniority" dalam perkhidmatan tidak diberi keutamaan tinggi memandangkan fungsi-fungsi pentadbiran tidak memerlukan kebolehan-kebolehan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan V. David.

Tuan Fung Ket Wing: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 15.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Sandakan.

JAMBATAN ORANG-ORANG BERJALAN KAKI (PEDESTRIAN BRIDGE)

15. Tuan Fung Ket Wing (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar sebanyak enam pucuk surat telah dihantar kepadanya yang meminta supaya wang diperuntukkan untuk membina sebuah jambatan bagi kegunaan orang-orang yang berjalan kaki (pedestrian bridge) dan surat-surat tersebut telah dihantar pada tarikh-tarikh yang berikut: 10-2-79, 15-8-79, 18-9-79, 24-10-79, 24-11-79 dan 23-1-80, dan mengapakah surat-surat tersebut tidak dibalas. Apakah ini disebabkan kerana Jabatan berkenaan kekurangan kakitangan ataupun kakitangan-kakitangan Jabatan tersebut telah dinasihatkan supaya jangan membalas surat-surat dari Ahli-ahli Parlimen Pembangkang. Bolehkah Y.A.B. Perdana Menteri menerangkan keputusan yang dibuat berkait dengan permintaan itu sepertimana terkandung dalam surat-surat tersebut.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Antara enam pucuk surat yang Ahli Yang Berhormat sebutkan itu, Pejabat Perdana Menteri ada menerima surat-surat bertarikh 15-8-79, 18-9-79, 24-10-79 dan 24-11-79, semuanya mengenai perkara yang sama.

Pejabat Perdana Menteri ada memberi jawapan kepada surat-surat itu pada 29-11-79 memberitahu Ahli Yang Berhormat itu bahawa perkara yang berbangkit dan surat-suratnya itu adalah dalam perhatian Kementerian Wilayah Persekutuan. Dengan itu, tuduhan Ahli Yang Berhormat bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak membalas surat-suratnya itu adalah tidak benar sama sekali.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bukanlah menjadi amalan kakitangan-kakitangan Kerajaan supaya tidak menjawab surat-surat daripada Ahli-ahli Pembangkang. Sukalah saya memaklumkan bahawasanya sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, kawasan Kampung Kasipillay itu adalah kawasan banjir dan kerja-kerja untuk mencegah kawasan itu dari banjir dengan cara mendalam dan melebarkan sungai di kawasan itu sedang diuruskan. Oleh hal yang demikian perkara membina jambatan di tempat itu belum dapat dilaksanakan.

BUKU TEKS/RUJUKAN DI PUSAT PENGAJIAN TINGGI

16. Tuan Haji Ampong bin Puyon minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) adakah buku teks atau rujukan pusat pengajian tinggi mencukupi terutama dalam bidang sains dan teknologi bila pelaksanaan Bahasa Penghantaran dalam Bahasa Malaysia dijalankan sepenuhnya; jika tidak mencukupi, apakah langkah-langkah yang akan atau sedang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini; dan
- (b) bagaimanakah kerjasama Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia dalam mengatasi masalah ini dan bagaimanakah kemajuan yang dicapai.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan buku teks dan rujukan pusat pengajian tinggi, khasnya dalam bidang sains dan teknologi adalah tidak mencukupi apabila pelaksanaan bahasa pengantar dalam Bahasa Malaysia dijalankan sepenuhnya di pusat-pusat pengajian tinggi pada 1983 kelak. Untuk mengatasi masalah kekurangan buku-buku teks tersebut pihak-pihak Universiti serta kolej-kolej tempatan bersama Dewan Bahasa dan Pustaka sedang mengumpul istilah-istilah dalam bidang sains dan teknologi dan sedang melakukan terjemahan dengan seberapa cepat yang boleh. Setakat ini Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerbitkan lebih kurang 150 buah buku dalam Bahasa Malaysia dari mana sebanyak 49 buah buku adalah untuk sains dan teknologi. Yang dalam penyediaan

ialah 28 buah buku sains dan teknologi sementara 49 buah buku lagi adalah bagi pengajian sastera dan kemanusiaan.

Sebagai langkah tambahan, Dewan Bahasa sedang juga menyusun Jadual Rancangan Penulisan dan Penterjemahan Buku-buku Teks Asas Pengajian Tinggi dalam tempoh 5 tahun (1981—1985) untuk menambah lagi bilangan buku untuk peringkat pengajian tinggi dalam Bahasa Malaysia. Jadual Rancangan ini telah disusun dari perjumpaan yang telah diadakan pada 15hb Oktober, 1980 oleh Dewan dengan seramai 330 orang sarjana, pakar-pakar ilmu dan pensyarah-pensyarah dari semua pusat pengajian tinggi di negara ini. Adalah dirancangan bahawa lebih kurang 200 tajuk buku baru untuk pengajian tinggi akan dapat ditulis atau diterjemahkan dalam tempoh lima tahun akan datang.

Dengan adanya rancangan-rancangan tersebut di atas, adalah dijangka bahawa masalah kekurangan buku teks dan rujukan dalam Bahasa Malaysia di pusat-pusat pengajian tinggi akan dapat diatasi.

- (b) Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia tidak terlibat dalam soal penyediaan buku-buku teks pengajian tinggi. Majlis ini hanya menumpukan perhatian kepada soal penyelarasan istilah-istilah ilmu pengetahuan antara kedua buah negara.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Thomas Salang Siden.

Tuan Racha Umong: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 17.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas.

TANAMAN TEBU DI SARAWAK

- 17. Tuan Racha Umong** (*di bawah S.O. 24*) (2) minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kementerianya akan menggalakan sebarang badan untuk membuka tanah guna menanam tebu secara besar-besaran di negeri Sarawak.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian tidak ada menggalakkan sebarang badan untuk menanam tebu secara besar-besaran di Sarawak kerana dari hasil penyelidikan yang telah dijalankan dan didapati faktor-faktor iklim dan keadaan tanah adalah tidak sesuai untuk tanaman sebarang jenis tebu secara besar-besaran di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Karpal Singh.

Tuan Fung Ket Wing: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 18.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Sandakan.

STATUS PELABUHAN BEBAS PULAU PINANG

18. Tuan Fung Ket Wing (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Kewangan menyatakan mengapa Kerajaan tidak bercadang mengembalikan Status "Free-port" (Pelabuhan Bebas) di Pulau Pinang dan apakah peruntukan-peruntukan untuk mengatasi kesan-kesan kehilangan status "Free-port" ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Datuk Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah dibangkit beberapa kali di dalam Dewan ini pada masa-masa lepas dan jawapan yang mencukupi telahpun diberi. Saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa pun.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan P. Patto.

Tuan Fung Ket Wing: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 19.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Sandakan.

PELABUHAN KUANTAN— TARIKH OPERASI

19. Tuan Fung Ket Wing (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa beliau,

Timbalannya (Y.B. Dr. Goh Cheng Teik) dan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam telah memberi tarikh-tarikh penggunaan Pelabuhan Kuantan yang bercanggah, jika ya, tarikh siapakah yang benar dan tepat; dan sama ada beliau sedar bahawa penundaan tarikh operasi pelabuhan ini telah menyebabkan kerugian kepada kebanyakan "forwarding agents" yang telah menubuhkan pejabat-pejabat mereka di Kuantan untuk berniaga, jika ya, adakah salah satu daripada penundaan tarikh operasi pelabuhan ini adalah kerana tekanan daripada "forwarding agents" yang besar yang beroperasi di Pelabuhan Kelang.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, sepanjang pengetahuannya, Kementerian ini tidak sedar atas percanggahan tarikh penggunaan Pelabuhan Kuantan seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Pelabuhan Kuantan telah memulakan operasi separuh-nya (partial operation) pada bulan Mei, 1980. Pada masa ini kapal-kapal seberat 8,000 tan dapat berlabuh di Dermaga Minyak Kelapa Sawit. Usaha-usaha sedang diambil untuk memasang Yokohamatype Floating Pneumatic Fenders bagi membolehkan kapal yang lebih besar seberat 26,000 tan menggunakan dermaga itu di Pelabuhan Kuantan. Kementerian tidak dapat memastikan tentang kerugian-kerugian yang dialami oleh Forwarding Agent tersebut.

Sukalah juga dinyatakan penundaan ke atas tarikh pergerakan atau operasi Pelabuhan Kuantan bukanlah disebabkan oleh tekanan dari mana-mana wakil penghantaran yang menjalankan perniagaannya di Pelabuhan Kelang.

Tuan Yang di-Pertua: Selesai.

(Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 adalah diberi di bawah ini).

JAMBATAN SUNGAI PILUS— KEGENDALAAN

13. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, menyatakan apakah sebab yang utama/sebenarnya bahawa jambatan yang menyeberangi Sungai Pilus di Sungai Siput tidak dapat disiapkan sebagaimana yang

dijadualkan, apakah tindakan yang telah diambil bagi melaksanakannya dengan seberapa segera.

Datuk S. Samy Vellu: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebab utama yang menyebabkan pemborong tidak dapat menyiapkan projek jambatan menyeberangi Sungai Pilus mengikut jadual ialah hujan lebat yang telah turun beberapa bulan yang lalu. Dengan ini kerja-kerja telah tergendala disebabkan oleh paras air melimpah benteng-benteng sungai tersebut, banyak kayu besar yang terapung mengikut arus sungai yang deras yang mana menyebabkan kelemahan sebarang pembinaan "normal timber staging" di dalam sungai. Walau bagaimanapun, pihak JKR sedang mengawasi kerja tersebut dan adalah dijangka bahawa jika tidak terdapat apa-apa masalah projek ini akan disiapkan pada awal tahun depan.

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

KEBAKARAN DI BANGUNAN LAMA BANK BUMIPUTRA, KUALA LUMPUR

3.29 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di sini di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 18 (1) untuk mencadangkan:

"Bahawa Majlis Mesyuarat ini mengizinkan Yang Berhormat Ahli Parlimen dari Kuala Lumpur Bandar, mencadangkan supaya ditangguhkan Majlis Mesyuarat ini untuk tujuan merunding satu perkara tertentu demi kepentingan orang ramai yang berkehendakkan disegerakan iaitu kebakaran yang berlaku di bangunan lama Ibu Pejabat Bank Bumiputra yang mengandungi 13 tingkat di Jalan Melaka pada hari semalam.

"Bahawa perkara ini adalah tertentu kerana satu kebakaran yang besar dan dahsyat telah berlaku di bangunan lama Ibu Pejabat Bank Bumiputra yang mengakibatkan kemusnahan bangunan tersebut serta seorang telah meninggal dunia, 31 orang yang mengalami kecederaan dan 8

daripadanya telah di masukkan ke dalam hospital dan seorang daripadanya berada dalam keadaan yang mencemaskan.

"Bahawa perkara ini adalah kepentingan orang ramai kerana rakyat berhak mengetahui tidak saja sebab musabab kebakaran itu berlaku tetapi apa yang lebih penting ialah kenapa Jabatan Bomba tidak berupaya mengawal dan dilengkapkan bagi memadam api yang amat dahsyat itu yang berlaku di bangunan yang bertingkat tinggi itu."

Hanya beberapa tahun yang lalu orang ramai telah menyaksikan tragedi kebakaran Komplek Beli belah Campbell yang saya merasa dukacita menyatakan di sini bahawa sehingga sekarang Kerajaan telah gagal untuk membentangkan laporan kebakaran komplek Campbell dan supaya orang ramai mengetahui kenyataan penuh mengenai penyiasatan-penyiasatan yang dijalankan oleh pihak-pihak berkenaan dengan kebakaran tersebut.

Kenyataan bahawa satu lagi bangunan bertingkat tinggi, bangunan-bangunan lama Ibu Pejabat Bank Bumiputra menghadapi satu lagi bencana kebakaran, jelas menunjukkan ketidakupayaan Kerajaan memadamkan api di bangunan bertingkat tinggi di Bandaraya.

Nampaknya kita masih belum lagi mempelajari dari pengalaman kebakaran Kompleks Beli belah Campbell.

Memandangkan apa yang berlaku kepada Kompleks Beli Belah Campbell pada kira-kira 4 tahun lalu dan sekarang kebakaran di bangunan lama Bank Bumiputra, orang ramai sekarang sesungguhnya ragu dan bimbang akan kebakaran di bangunan-bangunan bertingkat tinggi terutamanya di saat sekarang di mana banyak bangunan yang didirikan di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, ramai mensifatkan atau menganggap perkara ini adalah kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan kerana nyawa manusia yang terlibat dan kerana mereka bimbang tentang kecekapan dan keupayaan perkhidmatan bomba kita untuk memadam kebakaran-kebakaran yang berlaku di bangunan-bangunan yang bertingkat lebih 10 tingkat.

Mereka juga bimbang sama ada pihak berkuasa tempatan memberikan

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat. Dewan ini belum lagi hendak membahaskan usul Ahli Yang Berhormat. Jadi hanya nyatakan perkara yang telah dihantar kepada saya—belum untuk perbahasan lagi.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan sebab-sebab di atas, saya suka menyatakan di sini bahawa saya rasa adalah sangat perlu supaya satu enquiry yang menyeluruh diadakan terhadap keabakan yang berlaku semalam dan juga saya harap supaya Dewan ini akan diberi satu peluang untuk membincangkan satu masalah yang penting.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima Usul ini pagi tadi dan saya telah membuat beberapa penyiasatan dan sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) ini hendaklah tiga perkara atau kriteria yang boleh memuaskan hati Yang di-Pertua supaya perkara ini boleh dibahaskan. Perkara ini adalah sama ada tertentu, maknanya betul sudah ada berlaku, kedua, perkara ini adalah bagi kepentingan orang ramai, dan ketiganya perkara ini perlu disegerakan sehingga ditangguhkan Dewan ini untuk membincangkan perkara ini. Daripada keterangan-keterangan yang saya telah dapat dan saya telah pergi sendiri ke bangunan tadi, saya puas hati bahawa ketiga-tiga perkara ini ada. Dan sekarang saya bertanya sekiranya Dewan ini bersetuju untuk membahaskan perkara ini di bawah Peraturan 18.

Oleh sebab tidak ada yang membangkang, maka perkara ini akan dibahaskan pada pukul 5.30 petang ini.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan, 1967 Akta Cukai Pendapatan (Tambahan) 1967 Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah, 1976 dan Ordinan Selem, 1949 dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa

ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1981

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (Hari kesebelas).

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1981

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$8,477,158,169 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1981, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1981 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 36 tahun 1980, adalah diumumkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." (Hari Kesebelas).

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu Dewan ini ditangguhkan pada petang semalam Yang Berhormat Menteri Kesihatan sedang berucap menyampaikan jawapannya. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri itu dan selepasnya Yang

Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang minta ditangguhkan jawapannya pada hari ini akan menjawab.

3.36 ptg.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, untuk menyambung ucapan saya seperti mana yang saya telah menerangkan kepada Dewan yang mulia ini semalam, selain daripada jawatan-jawatan yang telah saya sebutkan itu saya telah memperolehi persetujuan Kerajaan untuk mewujudkan lebih banyak lagi jawatan-jawatan Tingkatan Tertinggi untuk perkhidmatan perubatan. Kami akan mewujudkan sebanyak 143 jawatan-jawatan seperti itu dari masa ke semasa dalam berbagai kategori kepakaran di antara tahun 1981 dan 1985. Rancangan ini ialah untuk mengikuti perluasan perkhidmatan-perkhidmatan kita yang semakin bertambah. Saya memberikan angka-angka ini adalah bagi membayangkan bahawa saya sendiri sedar mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh doktor-doktor kita yang sedang berkhidmat sekarang, juga untuk menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kita sedang mengambil langkah-langkah tertentu untuk menghadapi masalah-masalah ini. Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin tahu bahawa walaupun dengan adanya kekurangan-kekurangan ini, pegawai-pegawai professional dan kakitangan-kakitangan para-perubatan kita pada amnya telahpun menjalankan tugas-tugas mereka dengan dedikasi.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun memberikan sokongan 'moral' kepada mereka dalam menjalankan tugas-tugas mereka yang berat ini. Kementerian Kesihatan akan terus berusaha bersungguh-sungguh untuk meluaskan liputan perkhidmatan kesihatan ini dan di samping itu pula saya berharap bahawa orang ramai akan faham bahawa ianya akan mengambil masa yang lebih lama sedikit bagi melatih doktor-doktor dan pakar-pakar yang diperlukan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengakhiri ucapan saya dengan harapan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat akan terus membangkitkan teguran-teguran yang membina supaya kesihatan rakyat terjamin. Kementerian ini akan terus berusaha untuk memperbaiki serta meninggikan mutu

perkhidmatan perubatan, kesihatan dan pergigian di negara ini demi menjaga kesihatan dan kesejahteraan rakyat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Tuan Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

3.40 ptg.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membentangkan perkara-perkara di dalam Dewan ini yang berkaitan dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Ahli Yang Berhormat dari Keningau telah menimbulkan beberapa perkara berkaitan dengan Bahagian Pendaftaran. Sebenarnya tidak ada sebarang kelewatan dalam memproses Kad Pengenalan untuk pemohon-pemohon di Sabah. Anggapan kelewatan timbul kerana masa yang diperlukan untuk mengkaji secara teliti semua permohonan ataupun kerana putus hubungan antara pemohon dan Jabatan. Sebagai contoh permohonan Cik Dayang binti Ukung yang di bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu telahpun diselesaikan pada 19hb Oktober, 1973 lagi, sementara permohonan Cik Bunga binti Mulong kedua-duanya dari Kuala Punci telah tidak diterima oleh Pejabat Pendaftaran.

Dakwaah Ahli Yang Berhormat mengenai penjualan Kad Pengenalan kepada pelarian Filipina Selatan adalah tidak benar. Pihak Pendaftaran juga tidak pernah mengeluarkan sebarang Kad Pengenalan kepada pelarian sebagaimana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat dari Sandakan. Ahli Yang Berhormat itu telah memberi contoh adanya Kad Pengenalan No. 4124 yang dikeluarkan untuk pelarian Filipina. Sebenarnya semua Kad Pengenalan yang dikeluarkan oleh pihak Pendaftaran mempunyai tujuh angka dan bukan empat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga semua pemberian taraf kewarganegaraan adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan.

Mengenai perkara bersabit dengan penapisan bahan-bahan bacaan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari

Sabak Bernam, memanglah menjadi tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mencegah penyebaran bahan-bahan bacaan yang didapati tidak sesuai serta boleh menjejaskan keselamatan negara.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah membuat cadangan supaya Undang-undang Anti Dadah diperketatkan. Nampaknya Ahli Yang Berhormat sudah mengetahui perhatian Kerajaan yang serius terhadap masalah dadah, sebagaimana yang telah dimaklumkan diwaktu Soal Jawab mengenai dadah baik di dalam ataupun di luar Dewan ini. Memperketatkan undang-undang adalah satu dari lima cara pendekatan ke arah penyelesaian masalah ini. Pihak Kementerian sedang mengkaji pindaan ke atas Undang-undang Dadah Berbahaya, antara pindaan-pindaan yang mungkin dimasukkan ialah:

- (a) memberi kuasa untuk merampas harta benda dari mereka yang telah memperoleh harta benda itu dari mengedar, menjual dadah.
- (b) menjadikan hukuman penjara seumur hidup kepada penjara sepanjang hayat (natural life).
- (c) memberi kuasa kepada Pegawai-pegawai Penguatkuasa meminta maklumat-maklumat dan bukti-bukti yang diperolehi secara ini diterima oleh mahkamah.
- (d) mengurangkan berat dadah dalam milik bagi maksud anggapan di bawah Seksyen 37D (a) sebagai pengedar.
- (e) memberi kuasa tahanan bagi maksud siasatan di bawah Seksyen 117 kepada pegawai-pegawai Kastam.
- (f) mengkehendaki penagih-penagih dadah mendaftar diri.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Arau yang telah mencadangkan supaya diadakan rancangan Melawat Sambil Belajar ke negara-negara jiran oleh ahli-ahli RELA, pihak Kementerian akan mengambil ingatan atas cadangan ini. Walau bagaimanapun buat masa ini pihak Kementerian perlu menggunakan seluruh sumber dan tenaga untuk menambahkan ahli-ahli RELA sehingga berjumlah 500,000 orang. Saya merayu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya membantu Kementerian untuk mencapai matlamat ini.

Ahli Yang Berhormat dari Damansara telah mencela pihak Polis dan menyatakan mereka kurang disiplin dan tidak sopan-santun. Ini adalah pendapat Ahli Yang Berhormat mengenai Polis dan bukan pendapat Polis mengenai Ahli Yang Berhormat. Walaupun Ahli Yang Berhormat memuji Polis dahulu sebagai bandingan dengan Polis sekarang, Ahli Yang Berhormat perlu mengetahui ada pendapat yang bukan Pembangkang dan bukan dari pihak Kerajaan yang menganggap Pasukan Polis Malaysia adalah antara Pasukan-pasukan Polis yang terbaik di dunia. Walau bagaimanapun sebagai manusia kita tidak ma'sum atau tidak sunyi dari dosa atau kesilapan tetapi kita tidak boleh memetik peristiwa-peristiwa yang tersendiri untuk menidakkan jasa-jasa Polis yang bertaburan.

Pihak Kementerian mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Tuaran yang begitu yakin kepada kemampuan Polis sehingga mencadangkan supaya dibesarkan. Ini sememanglah matlamat Kerajaan, anggota Polis akan ditambah begitu juga kelengkapannya termasuk bot-bot untuk Bahagian Merin. Kerajaan juga memberi perhatian kepada latihan semua anggota Polis, itulah sebabnya jumlah Pusat Latihan sentiasa ditambah.

Pendapat Ahli Yang Berhormat dari Matang mengenai perkara ini disambut baik oleh pihak Kementerian, sebuah lagi Pusat Latihan Polis akan diadakan di Air Hitam, Negeri Sembilan.

Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh telah mengesyorkan supaya orang-orang yang terlibat dari perbuatan kafir-mengkafir antara satu sama lain diambil tindakan buang kawasan. Teguran Ahli Yang Berhormat ini agak anih yang mungkin bertujuan untuk memisahkan diri dari kawan-kawan, tidak mungkin bagi orang-orang Islam di dalam Barisan Nasional untuk mengkafirkan orang Islam lain, sedangkan di dalam Barisan Nasional ada kalangan dari berbilang kaum dan berbilang agama. Orang yang suka mengkafirkan sesama Islam sudah tentu datangnya dari kalangan yang memisahkan diri dari masyarakat bukan Islam dan setelah itu ingin menghalang orang-orang Islam bekerjasama dengan bukan Islam.

Di dalam negara yang berbilang kaum dan agama seperti di Malaysia dengan jumlah umat Islam yang sedia diketahui, orang yang

kafir mengkafirkan sesama Islam adalah dari kalangan manusia yang cuba mengambilalih kuasa Tuhan, seumpama manusia yang tidur di siang hari dan belum bangun untuk melihat realiti sejarah, orang beginilah yang merugikan umat Islam sendiri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat lanjutan dari sikap beginilah yang boleh menjadi sebab tercetusnya peristiwa Batu Pahat. Ahli Yang Berhormat dari Semerah dan Ahli Yang Berhormat dari Matang telah memperingati supaya kawalan ke atas Balai-balai Polis diketatkan. Ini adalah cadangan yang baik, tetapi kawalan ke atas Balai Polis tidaklah dapat disamakan dengan kawalan ke atas kem-kem tentera kerana peranan Polis adalah berlainan. Kawalan yang terlalu ketat akan merenggangkan hubungan antara Polis dan orang ramai, sedangkan pihak Polis dalam melaksanakan tugas-tugas hariannya adalah sangat-sangat memerlukan kerjasama yang erat dari orang ramai.

Ahli Yang Berhormat dari Baling telah menuduh pihak Polis menggunakan kuasa dengan sewenang-wenangnya berasaskan pengalamannya di Baling apabila pihak Polis katanya telah mengganggu beliau sewaktu mengadakan kursus politik. Pihak Kementerian mengucapkan tahniah kepada Ketua Polis Daerah Baling yang telah bertindak sendiri menjalankan tugasnya untuk memastikan keselamatan negara termasuk keselamatan peserta kursus politik anjuran Ahli Yang Berhormat sendiri. Tidak ada sebab kursus politik anjuran PAS perlu diberi keistimewaan sehingga tidak boleh diawasi oleh pihak Polis yang turut mengawasi semua kursus-kursus yang dianjurkan oleh Parti Barisan Nasional. Tindakan pihak Polis tidak boleh dianggap sebagai gangguan, kerana pihak Polis sedang menjalankan tugas untuk memastikan ketenteraman masyarakat tidak terganggu. Adalah perlu diingat bahawa semua kecacauan yang berlaku dalam masyarakat adalah hasil dari mesyuarat-mesyuarat yang tidak diketahui oleh Polis.

Saya tidak terkejut apabila Ahli Yang Berhormat dari Baling turut campurtangan dalam hal ABIM, kerana campurtangan begini menguntungkan politik beliau, walaupun tidak menguntungkan ABIM. Pihak Kementerian tidak ingin menghalang pendaftaran pertubuhan yang sedang menjalankan tugasnya untuk mengawal kegiatan semua

badan-badan belia, Kerajaan perlu mengawasi dengan cara yang sama semua pertubuhan termasuk pertubuhan belia, tidak ada sebab kenapa Kerajaan perlu memberi keistimewaan kepada mana-mana pertubuhan. Perkataan hasat dengki dan cetek yang disebut secara emosi oleh Ahli Yang Berhormat apabila membincangkan perkara ini telah mengingatkan saya kepada apa yang dikatakan oleh Imam Ghazali yang bermaksud "satu dari masalah yang dihadapi oleh orang-orang yang menganggap diri mereka alim ialah hasat dengki—mungkin berasaskan syak wasangka". Sebagai ingatan semua pertubuhan yang ingin bergerak mengikut undang-undang di negara ini hendaklah menjadikan undang-undang sebagai kawan dan jangan memusuhi undang-undang, kita tidak boleh menunggu sehingga banyak lagi tangan yang putus, sebelum kita masukkan beberapa biji peluru ke dalam tubuh musuh.

Adalah penting bagi pemimpin-pemimpin pertubuhan mengingati bahawa undang-undang menjamin keselamatan bagi semua orang untuk memainkan peranannya atas pentas hidup, tetapi tegaknya pentas ini bergantung pada kuat tiangnya, jika pelaku melompat terlalu kencang di atas pentas sehingga tiang-tiang senget adalah menjadi tugas tukang untuk memberi ingatan kerana apabila pentas sudah roboh, kita tidak boleh berpesta lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan.

3.50 ptg.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato Haji Embong bin Yahya): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap berhubung dengan Kementerian Penerangan, walaupun tidaklah begitu banyak perkara-perkara yang dibangkitkan. Saya menganggap ini sebagai suatu pertanda yang baik yang ditunjukkan oleh orang ramai amnya dan Ahli-ahli Yang Berhormat khasnya berpuas hati dengan khidmat yang telah diberikan oleh Kementerian Penerangan setakat ini. Bagaimanapun Kementerian ini akan terus memperbaiki lagi khidmat-khidmat yang diberikan kepada orang ramai sebagai memenuhi tanggungjawabnya untuk melaksanakan dasar-dasar dan matlamat-matlamat seperti yang telah ditetapkan.

Dalam hubungan ini, Kementerian Penerangan sentiasa mengalu-alukan sebarang teguran yang membina baik dari segi orang ramai atau khasnya dari Ahli-ahli Yang Berhormat bagi membantu Kementerian ini memperbaiki dan meningkatkan khidmatnya bagi faedah rakyat dan negara.

Berhubung dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kangar, perlu saya menjelaskan bahawa bersempena dengan perayaan Hari Raya Aidil Fitri dan Hari Raya Aidil Adha, Televisyen Malaysia ada menyiarkan rancangan-rancangan khas yang berunsur agama Islam. Begitu juga dengan siaran radio, rancangan-rancangan khas yang berunsur agama serta lain-lain rancangan yang ada berkaitan dengan perayaan Hari Raya tersebut pada keseluruhannya mengambil masa lebih kurang 10% daripada jumlah siaran. Walau bagaimanapun, adalah tidak sesuai bagi Televisyen Malaysia menyiarkan rancangan-rancangan berunsurkan agama keseluruhannya pada hari tersebut. Sayugia dinyatakan bahawa pada hari-hari perayaan seperti ini walaupun khususnya adalah hari-hari perayaan yang ada kaitan dengan agama Islam, hari-hari tersebut juga berupa hari cuti umum bagi seluruh rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan berbilang agama.

Menyentuh tentang siri Drama Anjang Aki yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, sukacita dijelaskan bahawa Televisyen Malaysia telah mendapat reaksi yang baik bagi siri Drama tersebut seperti mana yang tersiar dalam surat-surat khabar mahu pun dari surat-surat yang diterima. Walau bagaimanapun, cadangan Ahli Yang Berhormat itu telah diambil perhatian dan langkah-langkah akan diambil untuk memperbaiki lagi jalan ceritanya.

Ahli Yang Berhormat berkenaan juga meminta supaya setiap kali bacaan Al-Quran diperdengarkan di radio dan televisyen mestilah mempunyai terjemahannya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kebanyakan daripada bacaan Al-Quran yang diperdengarkan di radio dan televisyen mempunyai terjemahannya dalam Bahasa Malaysia, kecuali setengah-setengah bacaan ayat-ayat yang panjang seperti siaran semasa Musabaqah Membaca Al-Quran dan lain-lain bacaan cuma intisari maknanya sahaja yang diberikan. Usaha-usaha untuk menyiarkan terjemahan bagi semua pembacaan ayat-ayat

suci Al-Quran akan dibuat secara berperingkat-peringkat dari masa ke semasa mengikut kemampuan tenaga kakitangan dan penerbitan.

Berhubung dengan saranan Ahli Yang Berhormat dari Kimanis supaya Jabatan Penerangan memainkan peranan yang lebih penting dalam memberikan penjelasan mengenai kekurangan barang-barang seperti gula di Sabah, suka dijelaskan di sini bahawa Jabatan Penerangan sememangnya telah mengambil peranan memberi penjelasan bukan sahaja mengenai kekurangan barang seperti gula sahaja tetapi juga memberi penerangan, penjelasan serta menyeru orang ramai memberi kerjasama dalam membendung inflasi dengan cara membeli belah dengan bijaksana dan berjimat cermat.

Dalam tempoh mengatasi kekurangan gula, Jabatan Penerangan di bawah arahan Kementerian Penerangan sedang menyediakan satu Kempen untuk menggalakkan orang ramai mengurangkan penggunaan gula. Kempen ini adalah berjalan melalui televisyen dan radio. Kementerian Penerangan sedang menyusun kempen yang lebih luas seperti menyediakan poster dan lain-lain lagi bagi menarik perhatian orang ramai mengenai kekurangan gula dan menyeru orang ramai mengurangkan penggunaannya.

Berhubung dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang yang menyatakan Televisyen Malaysia menunjukkan filem-filem yang kurang manis dipandang, sukacita dijelaskan di sini bahawa semua filem yang ditayangkan menerusi Televisyen Malaysia telah disalurkan melalui sistem penapisan dua peringkat yang dikendalikan oleh Lembaga Penapis Filem, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan RTM sendiri. Televisyen Malaysia sentiasa berhati-hati dalam pilihan dan penapisan filem-filem tersebut untuk menjamin supaya filem-filem yang ditayangkan pada keseluruhannya tidak menyinggung perasaan umum. Walau bagaimanapun, dalam masyarakat yang berbilang kaum dan berbilang agama, istilah kurang manis adalah berbeda dan amatlah sukar untuk Televisyen Malaysia mengelakkan sama sekali unsur-unsur yang boleh menyinggung seseorang individu atau segolongan kecil penonton-penonton.

Berhubung dengan pertanyaan dari Ahli Yang Berhormat dari Kuala Muda, yang ingin tahu mengapakah "Hari Ini Dalam Sejarah" yang disiarkan dalam Televisyen Malaysia tidak dibuat dalam bahasa Inggeris. Suka saya memaklumkan bahawa oleh kerana kemudahan-kemudahan televisyen agak terbatas sekarang menimbangkan perubahan-perubahan yang sedang dibuat untuk mengubahsuaikan studio-studio dengan peralatan color maka rancangan "Hari Ini Dalam Sejarah" di televisyen hanya dapat dibuat dalam Bahasa Malaysia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rancangan "Hari Ini Dalam Sejarah" disiarkan juga dalam Bahasa Malaysia, Inggeris, China dan Tamil melalui siaran radio. Namun begitu Kementerian ini akan menimbangkan dengan sebaik-baiknya cadangan Ahli Yang Berhormat itu agar rancangan ini disiarkan dalam bahasa Inggeris.

Akhir sekali mana-mana pandangan atau cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tetapi tidak diulas di sini akan juga diberikan perhatian dan pertimbangan oleh Kementerian Penerangan. Mana-mana cadangan yang difikirkan menasabah dan sesuai untuk dilaksanakan akan diterima.

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan teguran-teguran yang ikhlas dan cadangan-cadangan yang membina, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam.

3.57 ptg.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat pandangan-pandangan serta teguran-teguran kepada Badan Berkanun di bawah Kementerian saya. Saya hanya akan menyentuh beberapa perkara utama sahaja yang dapat merangkumi kesemua persoalan yang telah ditimbulkan dan pihak Kementerian akan mengambil perhatian terhadap segala teguran-teguran yang telah dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa sukacita kerana kenaikan pemberian subsidi harga padi yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan baharu-baharu ini telahpun mendapat sokongan dan sambutan yang baik dari semua pihak. Walau bagaimanapun, saya inginlah menegaskan di sini bahawa Kementerian Perusahaan Awam akan sentiasa mengawasi dan memastikan supaya Lembaga Padi dan Beras Negara benar-benar dapat melaksanakan peranannya membantu penanam-penanam padi khususnya di dalam pelaksanaan skim subsidi harga padi ini. Di dalam hal ini, Ahli-ahli Yang Berhormat seperti Ahli dari Kangar, Tanah Merah dan Permatang Pauh masing-masing telah melahirkan kebimbangan berlakunya penyelewengan di dalam pelaksanaan kenaikan subsidi harga padi ini.

Sukalah saya menjelaskan di sini bahawa pihak Kementerian Perusahaan Awam melalui Lembaga Padi dan Beras Negara akan sentiasa mengadakan kawalan dan pemeriksaan dari masa ke semasa bagi mengawasi supaya sebarang bentuk penyelewengan yang boleh menjejaskan kepentingan pesawah-pesawah khususnya di dalam penyaluran kenaikan subsidi harga padi ini tidak berlaku. Penyemakan sedang pun dijalankan oleh pihak Lembaga Padi dan Beras Negara ke atas segala pembelian padi yang telah dilakukan oleh orang-orang tengah dan pengilang-pengilang padi supaya dapat dipastikan hanya mereka yang benar-benar berhak sahaja akan mendapat subsidi itu.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah, sukalah saya menyatakan bahawa memanglah menjadi dasar Lembaga Padi dan Beras Negara untuk mengeluarkan lesen-lesen padi kepada syarikat-syarikat kerjasama dan koperasi atau Persatuan Peladang bagi melicinkan penyaluran subsidi. Bagaimanapun pengeluaran lesen membeli padi kepada orang-orang perseorangan adalah perlu untuk membantu pesawah-pesawah di kawasan yang tidak terdapat koperasi atau Persatuan Peladang dan syarikat kerjasama untuk memasarkan hasil padi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan Skim Subsidi Harga Padi ini berjalan dengan licin, pihak LPN telah berusaha untuk memberikan segala penerangan yang berkenaan dengan sejelas dan seluas mungkin kepada

pesawah-pesawah bagi mengelakkan timbulnya salah faham di kalangan mereka mengenai tujuan, dasar dan matlamat Skim ini.

Di dalam hal ini pihak-pihak mass-media seperti radio dan akhbar telah diminta memberikan kerjasama di samping pemberian ceramah-ceramah yang dikendalikan oleh pihak LPN sendiri dengan bantuan daripada Jabatan-jabatan Kerajaan yang terlibat di dalam bidang pertanian. Poster-poster penerangan juga telah disediakan.

Ahli Yang Berhormat dari Arau telah menimbulkan kemungkinan berlakunya penyeludupan padi dari negara jiran ke negara kita dengan tujuan untuk mendapatkan faedah dari Skim Subsidi ini yang mana telah melibatkan harga padi di negara kita jauh lebih tinggi daripada negara-negara jiran. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kawalan ketat serta pemeriksaan yang rapi adalah sentiasa dibuat oleh pihak LPN dengan kerjasama dari jabatan-jabatan lain yang berkenaan seperti Unit Pencegah Penyeludupan untuk membasmi kegiatan penyeludupan dikalangan mereka yang tidak bertanggungjawab ini.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani dan Kangar telah menyentuh beberapa aspek pentadbiran LPN. Perlu dijelaskan di sini bahawa harga tawaran padi LPN adalah berdasarkan kepada beberapa syarat tertentu dengan berpandukan kepada kualiti padi yang dijual oleh pesawah-pesawah. Potongan yang wajar ke atas berat padi hanyalah di buat ke atas jualan-jualan padi yang tidak memenuhi syarat-syarat harga tawaran yang telah ditetapkan itu.

Mengenai kekurangan Kompleks Mengering dan Mengilang Padi, masalah ini adalah benar dihadapi oleh LPN buat masa sekarang. Oleh itu LPN akan menambahkan lagi kompleks-kompleks dalam kegiatan ini di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Untuk tujuan ini pihak Kerajaan telah menguntukkan sebanyak \$70 juta bagi membina sebanyak 8 buah Kompleks Mengering dan Mengilang terutamanya di kawasan-kawasan jelang padi di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Mengenai soal penambahan kakitangan, LPN sedang menentukan tentang bilangan tambahan kakitangan diperlukan untuk membolehkan segala rancangan-rancangan LPN berjalan dengan licin. Contohnya untuk menghadapi musim menuai dalam mana LPN sentiasa mengambil kakitangan tambahan bagi melicinkan pengurusannya. Bagi mengatasi masalah pembayaran tunggakan subsidi harga padi yang telah diumumkan satu sistem perlaksanaan dan penyelarasan telahpun diwujudkan oleh LPN untuk mengatasi segala kesulitan yang telah timbul.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam usaha Kerajaan membaiki dan meninggikan lagi taraf sosio-ekonomi penanam-penanam padi tentulah usaha ini merangkumi juga mereka yang berada di Sabah dan Sarawak. Oleh itu untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sibu dan Batang Lupar, Skim Subsidi Harga Padi ini juga akan diperluaskan ke Sabah dan Sarawak setelah diteliti dengan mendalam perkara ini dan juga setelah perbincangan diadakan dengan pihak-pihak Kerajaan Negeri. Dengan itu adalah diharapkan bahawa pesawah-pesawah di Sabah dan Sarawak juga akan dapat menikmati hasil pendapatan yang lebih baik dan seterusnya meninggikan lagi taraf sosio-ekonomi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pihak LPN dan pihak Kementerian Perusahaan Awam adalah sentiasa mengesan dengan rapi apa juga masalah atau kesulitan yang mungkin timbul dalam pelaksanaan Skim Subsidi Harga Padi supaya dapat diambil langkah-langkah yang sesuai bagi mengatasi masalah-masalah itu.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara mengenai Kementerian saya khususnya di dalam pelaksanaan Skim Subsidi Harga Padi dan apa-apa teguran yang lain akan diambil perhatian oleh pihak Kementerian.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam untuk menjawab.

4.04 ptg.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah

menaruh minat terhadap perkara-perkara tertentu di bawah Kementerian saya ketika membahaskan ucapan Belanjawan 1981 oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 17hb Oktober, 1980 di Dewan yang mulia ini.

Saya ingin memberi jaminan bahawa segala teguran-teguran, pandangan-pandangan dan syor-syor yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan diberi perhatian dan kajian yang mendalam dan sekiranya didapati sesuai akan dilaksanakan atau dijadikan panduan untuk melaksanakan kerja-kerja pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Ahli Parlimen dari Keningau untuk mewujudkan skim galakan membantu kontraktor-kontraktor tempatan mengambil bahagian di dalam tender antarabangsa di luar negeri, saya berpendapat cadangan ini adalah baik akan tetapi memandangkan negara kita sendiri akan melaksanakan banyak rancangan-rancangan pembangunan terutamanya di dalam Rancangan Malaysia Keempat, Kerajaan tidaklah dapat menimbangkan cadangan Yang Berhormat itu buat masa ini. Ini adalah untuk memastikan projek-projek pembangunan yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan akan dapat mengikut jadual yang ditetapkan.

Bilangan projek yang perlu dilaksanakan oleh kontraktor-kontraktor tempatan adalah lebih dari mencukupi untuk memberi peluang pekerjaan bagi mengatasi masalah pengangguran dan penggunaan bahan mentah tempatan. Walau bagaimanapun, Kementerian saya tidaklah menghalang kontraktor-kontraktor tempatan yang ingin mengambil bahagian di dalam tender-tender di antarabangsa sekiranya mereka berkemampuan dan juga berkeelayakan.

Ahli Yang Berhormat dari Panti telah menyatakan bahawa walaupun peruntukan projek-projek pembangunan seperti jalan dan sekolah telah lama diluluskan tetapi sering berlaku kelambatan di dalam perlaksanaan. Beliau juga menyeru supaya kakitangan JKR di peringkat negeri dan daerah ditambahkan. Masalah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah merupakan masalah umum di mana kita tidak dapat menentukan projek jalan atau sekolah di mana yang lewat dilaksanakan walaupun kelulusan telah didapati.

Walaupun bagaimanapun, bagi menjawab soalan tersebut, perlu ditegaskan bahawa jalan-jalan yang dilaksanakan itu adalah merupakan masalah jalan luar bandar dan kelulusan bagi melaksanakan projek-projek jalan luar bandar hanya diluluskan selepas Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga. Dengan ini bermakna Kementerian ini terpaksa melantik pakar-pakar perunding untuk membuat kajian dan seterusnya memanggil tawaran dan melaksanakan kerja-kerja tersebut. Sudah semestinya dalam proses pelaksanaan banyak terdapat masalah-masalah lain seperti masalah tanah pemborong dan lain-lain lagi adalah dihadapi.

Perkara-perkara ini telah melambatkan lagi pelaksanaan projek-projek tersebut. Mengenai projek-projek sekolah, sebenarnya kelewatan bukanlah disebabkan oleh Kementerian ini sahaja. Pelaksanaan projek sekolah-sekolah adalah dijalankan mengikut jadual iaitu setelah menerima project brief dan tapak sekolah tersebut telah diselesaikan.

Walaupun bagaimanapun, sukacita dinyatakan di sini bahawa di peringkat awal Rancangan Malaysia Ketiga, hanya sejumlah 92 projek sahaja yang telah diluluskan tetapi selepas Kajian Separuh Penggal sebanyak 500 projek telah ditambah. Dengan ini bermakna dengan pertambahan projek yang begitu besar dan sedangkan jumlah kakitangan masih tetap maka sudah tentu kelewatan akan timbul. Selain daripada menghadapi masalah menerima projek yang hendak dilaksanakan di dalam satu-satu masa, masalah-masalah lain juga ada dihadapi iaitu walaupun kelulusan telah diberi masalah tapak menjadi penghalang begitu juga dengan masalah pemborong dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kedudukan kakitangan, Kerajaan sedang berusaha untuk mengisikan semua jawatan-jawatan. Bagi negeri Johor kedudukan kakitangan JKR adalah sangat baik. Setakat ini kebanyakan jawatan-jawatan kosong telahpun diisi. Bagi Kumpulan A tertinggal lagi 2 jawatan yang masih kosong; Kumpulan B-13, Kumpulan C-7 dan bagi Kumpulan D semua jawatan telahpun diisi. Bagi Kumpulan B pula di mana terdapat 13 jawatan yang kosong itu ianya adalah bagi jawatan-jawatan Pembantu Teknikal di mana

terdapat kekurangan di seluruh negara. Walau bagaimanapun, Kementerian saya masih berusaha untuk mengisinya.

Beliau juga menyentuh tentang projek LKTP dengan meminta supaya adanya koordinasi di antara jabatan-jabatan khasnya JKR dengan lain-lain jabatan supaya setiap projek dapat dilaksanakan mengikut jadual. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu koordinasi antara jabatan lain memang ada. JKR mempunyai unit-unit tertentu untuk membantu LKTP menjalankan projek-projek pembangunannya, khususnya kemudahan jalan dan bekalan air.

Unit-unit tertentu itu ialah JKR (LKTP) Pahang dan Negeri Sembilan, Johor Utara; JKR Pahang Tenggara dan JKR Johor Tenggara. Selain daripada ini wakil Pengarah Bekalan Air dan Jalan juga menjadi anggota ke dalam jawatankuasa menyelenggara LKTP.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas dan Labuk Sugut telah menyatakan bahawa keadaan jalan-jalan di negeri Sarawak khususnya di kawasan-kawasan pilihanraya Ahli-ahli Yang Berhormat itu tidak memuaskan dan tidak boleh dilalui apabila musim hujan. Beliau menggesa supaya tindakan diambil untuk membaiki jalan-jalan tersebut. Saya memang sedar kebanyakan jalan-jalan di negeri Sarawak masih berada di dalam keadaan yang kurang memuaskan. Sungguhpun begitu keadaan jalan-jalan itu tidaklah dibiarkan langsung sehingga ianya tidak boleh digunakan, terutama sekali apabila musim hujan.

Peruntukan memang disediakan dari setahun ke setahun untuk membiayai kerja-kerja membaiki jalan-jalan di negeri Sarawak dan JKR Sarawak mempunyai program-program tertentu untuk membaiki semua jalan-jalan di negeri itu. Di samping itu tindakan-tindakan adalah diambil oleh JKR di kawasan-kawasan berkenaan khususnya apabila musim hujan untuk memastikan semua jalan boleh dilalui oleh kenderaan-kenderaan. JKR Sarawak juga ada rancangan tertentu untuk menaikkan taraf jalan-jalan di negeri itu dan bahagian-bahagian tertentu jalan-jalan yang ada telah dibubuh tar atau bitumen. Pada keseluruhannya keadaan jalan-jalan di negeri Sarawak adalah bertambah baik dari semasa ke semasa.

Bagi menjawab soalan mengenai kekurangan air di kawasan Bintulu dari Ahli Yang Berhormat Batang Lupar, sukacita dimaklumkan bahawa di bawah Rancangan Bekalan Air, peruntukan sebanyak \$46,605 juta telah diluluskan bagi negeri Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Keupayaan bekalan air di kawasan Bintulu pada masa ini ialah 1.2 juta gelen sehari. Projek menambahkan keupayaan bekalan air sehingga 2.5 juta gelen air sehari telah dimulakan dan dijangka siap pada pertengahan tahun 1981. Keupayaan tersebut dijangka meningkat 8.6 juta gelen sehari pada tahun 1985.

Saya tidak begitu bersetuju dengan dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Kimanis bahawa masalah utama pelaksanaan projek-projek jalan dan bekalan air bukanlah disebabkan oleh peruntukan yang tidak mencukupi tetapi disebabkan oleh kekurangan perancangan yang teliti serta sikap tidak ambil peduli dan lalai oleh pegawai-pegawai Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi amalan Kerajaan untuk membuat kajian yang teliti sebelum sesuatu projek itu dapat ditimbangkan untuk perlaksanaan. Membuat anggaran peruntukan yang baik tidak akan menimbulkan masalah, hanya dari segi peruntukan, sungguhpun kejayaan satu-satu perlaksanaan projek bergantung kepada beberapa faktor lain yang walaupun telah dikaji terlebih dahulu tetapi masih menimbulkan masalah di luar jangka seperti masalah-masalah tanah, pemborong, bahan binaan dan lain-lain. Oleh yang demikian, tidaklah benar bahawa pelaksanaan projek-projek pembangunan tidak dirancangan dengan teliti oleh Kerajaan.

Mengenai bekalan air di luar kawasan Bongawan, Kerajaan sedar bahawa ada beberapa tempat yang masih belum dibekalkan dengan bekalan air, tetapi di bawah rancangan bekalan air luar bandar, Kerajaan telahpun merancang untuk membaiki keadaan ini supaya membolehkan lebih ramai orang lagi di kawasan luar bandar dapat menikmati bekalan air paip.

Sebagai jawapan soalan Ahli Yang Berhormat dari Tuaran di mana beliau menyarankan supaya peruntukan pembangunan negeri khasnya bagi projek-projek jalanraya hendaklah berdasarkan kepada

keluasan negeri. Sukacita dimaklumkan bahawa peruntukan pembangunan seperti jalanraya bukanlah berdasarkan semata-mata kepada keluasan sesebuah negeri itu sahaja tetapi juga bilangan penduduk dan aktiviti-aktiviti ekonomi perlu diambil kira. Sungguhpun Semenanjung Malaysia lebih maju berbanding dengan Sabah dan Sarawak, banyak jalan-jalanraya dibina tetapi dengan kerana penduduknya, lebih aktiviti dan ekonominya maka ianya masih memerlukan banyak pembinaan jalanraya.

Sabah telah diberi peruntukan yang berpatutan dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan peruntukan ini telah ditambah dalam masa kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga. Bagaimanapun jika berlaku kekurangan ianya akan dipertimbangkan semula di dalam Kajian Separuh Penggal sekiranya negara mempunyai kedudukan kewangan yang memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sarikei merayu supaya peruntukan bagi projek bekalan air ini ditambah supaya tempoh menunggu bagi rakyat untuk menikmati bekalan air dapat dipendekkan. Kerajaan memang sedar bahawa lebih banyak projek-projek bekalan air perlu dilaksanakan untuk memenuhi keperluan rakyat khususnya di kawasan-kawasan luar bandar. Peruntukan yang besar memang disediakan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga untuk projek-projek bekalan air. Bantuan kewangan yang secukupnya telah diberikan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk melaksanakan skim menambahkan keupayaan pengeluaran bekalan air dan juga rancangan-rancangan bekalan air di luar bandar. Penekanan akan terus diberi pada masa akan datang khususnya di bawah Rancangan Malaysia Keempat untuk melaksanakan lebih banyak lagi projek-projek bekalan air untuk memenuhi keperluan yang kian bertambah. Yang sebenarnya soal peruntukan bukanlah masalah yang besar dalam rancangan bekalan air. Masalah-masalah lain yang ada kaitannya dengan pelaksanaan projek-projek adalah juga diberi perhatian jika sekiranya matlamat Kerajaan untuk memberi bekalan air paip kepada semua rakyat hendak dicapai dalam tempoh yang singkat. Oleh itu, di samping peruntukan yang besar disediakan Kerajaan adalah mengambil tindakan-tindakan tertentu untuk mempercepatkan pelaksanaan projek-projek tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Kinabatangan mencadangkan supaya satu jambatan besi dibina bagi menggantikan feri yang ada sekarang di Kinabatangan. Cadangan Ahli Yang Berhormat itu diambil perhatian dan saya akan meminta JKR Sabah mengkaji perkara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menumpukan perhatian kepada Kementerian saya dan memberi teguran-teguran yang membina. Saya memberi jaminan bahawa setiap cadangan itu akan dikaji dengan teliti dan tindakan yang sesuai akan diambil.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput yang Berhormat Menteri Pengangkutan untuk menjawab.

4.17 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tentang Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah menyentuh tentang kajian mengenai kemungkinan mengadakan satu pelabuhan di Perlis. Kementerian saya sentiasa membuat kajian mengenai kemungkinan mengadakan pelabuhan-pelabuhan di negeri-negeri di negara kita. Walau bagaimanapun, kajian tersebut adalah dibuat dalam konteks kehendak-kehendak seluruh negara. Misalnya, Kementerian Pengangkutan terpaksa mengkaji terlebih dahulu sama ada kemudahan-kemudahan yang ada di pelabuhan Pulau Pinang dapat mengendalikannya secara praktikal dan ekonomik barang-barang dagangan import dan eksport dari negeri-negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak Utara.

Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh mengatakan bahawa tambang bas telah naik dan walaupun tambang bas telah naik perkhidmatan di kawasannya masih kurang memuaskan. Semasa menimbang kenaikan tambang bas baru-baru ini, Kerajaan telah meminta pengusaha-pengusaha bas membaiki dan meninggikan lagi mutu perkhidmatan mereka dengan menambahkan bilangan bas yang dijalankan. Oleh kerana kenaikan tambang baru sahaja diumumkan dan dilaksanakan mereka memerlukan masa

untuk menambahkan bilangan basnya. Selepas beberapa ketika baharulah kita dapat menilai semula kedudukan prestasi perkhidmatannya.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar telah menyentuh atas perkhidmatan perkapalan di Malaysia yang tidak mencukupi. Kementerian saya sedar bahawa perkhidmatan perkapalan di Malaysia yang dipunyai dan dikendalikan oleh warganegara Malaysia adalah berkurangan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kerajaan telah meluluskan beberapa galakan (incentive) untuk menggalakkan berkembangnya perkhidmatan perkapalan di Malaysia. Galakan-galakan tersebut adalah seperti berikut:

- (1) Pendapatan bulanan sesebuah syarikat perkapalan dikecualikan daripada cukai selama 12 tahun dari tarikh permulaan perniagaan.
- (2) Dibenarkan bayaran dividen dikecualikan cukai sebanyak 10%.
- (3) Ditarik balik cukai tokok 5% (surtax) atas kapal-kapal yang beratnya 26 tan.
- (4) Diberi pengecualian cukai pendapatan dalam Belanjawan yang baharu sahaja dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kepada anak-anak kapal terlatih yang bekerja di kapal-kapal Malaysia.

Selain dari itu Kerajaan juga mengadakan undang-undang bagi menentukan bahawa kapal-kapal yang menjalankan perdagangannya dalam negara ini hendaklah mempunyai lesen mulai 1hb Januari, 1980. Sungguhpun lesen-lesen ini dikeluarkan dan kepada semua kapal-kapal yang telah menjalankan perniagaan sebelum tarikh tersebut secara beransur-ansur. Kerajaan akan hanya mengeluarkan lesen-lesen tersebut kepada kapal-kapal yang didaftarkan di Malaysia sahaja.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menyoal mengapa peruntukan tambahan tidak dibuat bagi pembangunan Pelabuhan Jeti Tanjung Keling. Jeti di Tanjung Keling baharu sahaja siap dan kemudahan-kemudahan yang ada di Jeti tersebut belum lagi digunakan dengan sepenuhnya. Oleh yang demikian, soal peruntukan tambahan tidaklah berbangkit pada masa ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar menggesa Kerajaan membenarkan pengguna-pengguna container yang besar mengangkut kontena-kontena (container) mereka dengan prime movers and trailers sendiri sebagai satu langkah membantu Kontena Nasional dalam kerjanya. Saya ingin tegaskan bahawa Lembaga Pelabuhan Klang dan Kementerian Pengangkutan bekerja rapat dengan Kontena Nasional baharu-baharu ini dengan tujuan mengatasi masalah kesesakan kontena yang dihadapinya. Izinkan saya melaporkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kontena Nasional telah menunjukkan kebolehnya mengangkut kontena dengan kadar yang lebih menggalakkan. Lagi pula Kontena Nasional telah memperolehi prime movers and trailers yang mencukupi bukan sahaja untuk operasinya di Pelabuhan Kelang tetapi juga di pelabuhan-pelabuhan lain.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pengangkutan akan terus mengawasi kerja Kontena Nasional dengan rapi dan kalau keadaan tidak bertambah dengan lebih baik ia akan menimbangkan langkah-langkah yang sesuai termasuklah apa yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk menjawab.

4.25 ptg.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, teguran-teguran serta pengesyoran yang membina terhadap Jabatan Perdana Menteri semasa perbahasan mengenai dasar Belanjawan 1981. Banyak juga perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya hanya hendak menyentuh beberapa perkara penting yang perlu dijelaskan dan lain-lain teguran dan cadangan akan diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai jentera pentadbiran, sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Air Hitam adalah ditegaskan bahawa pada hakikatnya yang sebenarnya, Kerajaan sangat mengambil berat tentang "modernisation and

changes" dan bukannya untuk menjaga atau "maintaining status quo" tetapi untuk meningkatkan lagi taraf pentadbiran supaya lebih teratur, cekap dan berkesan. Oleh itu Kerajaan telah menubuhkan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia di Jabatan Perdana Menteri, khas bagi membantu jabatan-jabatan Kerajaan memodenkan pentadbiran masing-masing dan juga bagi beberapa Kementerian yang lain, unit-unit perkhidmatan pengurusan telah diadakan untuk membantu Kementerian-kementerian itu dalam usaha-usaha pembaharuan.

Dalam usaha-usaha untuk memajukan pentadbiran, beberapa faktor yang penting telah diambil kira termasuklah "resource" yang "up-to-date" seperti penggunaan komputer dan perubahan-perubahan pegawai-pegawai supaya bersesuaian dengan kehendak pembaharuan. Perkara ini sangat disadari oleh Kerajaan dan telah mengambil beberapa tindakan yang sewajarnya kepada perkara ini seperti memberi peluang-peluang dan latihan yang luas kepada pegawai-pegawai sama ada di dalam atau di luar negeri. Kerajaan telah melancarkan kempen Perkhidmatan Cemerlang yang ditujukan kepada setiap kakitangan Kerajaan supaya mereka sedar akan tanggungjawab mereka kepada rakyat dan dengan kesedaran ini mereka akan dapat memberi perkhidmatan yang jujur, cekap dan berkesan.

Selain daripada itu, beberapa badan ditubuhkan bagi memikir, mengatur dan melaksanakan program yang boleh membaiki mutu perkhidmatan awam. Jawatankuasa Pemandu bagi pelaksanaan Buku Perkhidmatan Cemerlang adalah badan yang tertinggi yang menetapkan rancangan dan garis panduan untuk diikuti oleh semua agensi Kerajaan supaya meningkatkan lagi perkhidmatan pegawainya. Satu Penal Ethika ditubuhkan untuk berusaha memikrkan tindakan yang perlu diambil supaya pelaksanaan Ethika dapat diperbaiki lagi. Unit-unit pasukan pelawat diwujudkan untuk membantu pengurus pejabat-pejabat yang tertentu meningkatkan lagi perkhidmatan mereka serta pemberian galakan kepada kakitangan yang telah memberi perkhidmatan cemerlang dengan adanya satu sistem penghargaan cemerlang.

Mengenai dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Baling tentang penyalahgunaan kewangan dan penyelewengan dalam pentadbi-

ran, adalah dinafikan jika dikatakan bahawa Kerajaan tidak bertindak tegas terhadap perkara ini. Malahan Kerajaan sentiasa mengambil perhatian yang berat jika terdapat kelemahan di dalam pentadbiran Kerajaan termasuklah soal-soal penyelewengan pentadbiran dan penyalahgunaan kewangan itu. Beberapa undang-undang dan juga peraturan-peraturan telah didadakan dari masa ke semasa bagi menghindar dan menjauhkan daripada kejadian itu berlaku serta memberikan kuasa kepada pihak-pihak berkenaan untuk mengambil tindakan yang tegas ke atas sesiapa yang terlibat dengan pegawai tersebut. Di antara peraturan-peraturan ini termasuk Akta Pencegah Rasuah, Akta Acara Kewangan, Arahan Perbendaharaan dan juga Perintah Am Bab D yang telah dan diperbaharui bagi mengemaskan lagi pengawalan tatalaku Pegawai-pegawai Awam. Selain daripada itu, sebagaimana yang telah disebutkan Kerajaan telah menubuhkan beberapa badan seperti Biro Siasatan Negara; Cawangan Tatatertib, Jabatan Perkhidmatan Awam; Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia dan Biro Pengaduan Awam bagi mengawasi, mengawal, menyelaras yang berkaitan dengan Akta dan Peraturan-peraturan tersebut serta memperkemas lagi sistem pentadbiran.

Ahli Yang Berhormat dari Baling mengesyorkan supaya ditubuhkan Institut Latihan Kewangan. Sukacita saya menyatakan bahawa Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan Institut Latihan Kewangan khusus untuk memberikan latihan kewangan kepada pegawai-pegawai Kerajaan oleh kerana Kerajaan sudahpun menubuhkan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) yang diwujudkan pada tahun 1972 dan telah diperbesarkan pada tiap-tiap tahun untuk memberi latihan kepada lebih ramai lagi pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan termasuklah pegawai-pegawai kewangan. INTAN akan diperbesarkan lagi oleh Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Keempat dengan menubuhkan empat lagi kampus, iaitu kampus pertama di Bukit Kiara, Kuala Lumpur yang luasnya 150 ekar dan tiga kampus di Sungai Petani, Kemaman dan Keluang yang luasnya 50 ekar bagi tiap-tiap satu kampus. Apabila siap kampus baru ini pada tahun 1983 bersama-sama dengan

kampus di Petaling Jaya yang ada sekarang, INTAN dijangka akan dapat melatih 12,000 hingga 13,000 pegawai Kerajaan di segala peringkat tiap-tiap satu tahun dari segala bidang pentadbiran, termasuk bidang kewangan dan merupakan salah satu daripada pusat latihan pentadbiran pembangunan yang terbesar di rantau ini.

Pentadbiran Kewangan adalah merupakan sebahagian sahaja daripada kursus proses pentadbiran dan pengurusan yang meliputi berbagai-bagai aspek termasuk aspek pentadbiran dan pembangunan. Maka Institut Latihan Kewangan yang mempunyai peranan yang terhad tidak akan memberi latihan yang berkesan dari segi pentadbiran negara yang menekankan konsep pentadbiran yang disatukan (*integrated management concept*).

Adalah juga ditegaskan di sini bahawa sungguhpun INTAN telah ditubuhkan dan akan diperbesarkan, Kerajaan juga sedang menubuh atau merancang untuk menubuhkan berbagai Pusat Latihan Jabatan (*Departmental Training Centre*) di mana latihan-latihan khas untuk keperluan Jabatan-jabatan tertentu akan diadakan. Sebagai contoh, beberapa agensi Kerajaan telahpun menubuhkan pusat-pusat latihan masing-masing seperti Jabatan Telekom, Jabatan Kastam, Radio dan Television, Jabatan Polis, Jabatan Perubatan dan Kesihatan dan juga Jabatan Perhutanan. Jabatan-jabatan yang lain juga akan menubuhkan pusat latihan masing-masing pada masa akan datang. Di samping itu Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia, Jabatan Perdana Menteri sedang di dalam proses menyediakan Buku Panduan Kerja (*Manual of Procedure*) bagi membolehkan kakitangan-kakitangan Kerajaan terutama sekali di peringkat perkeranian memahami dengan lebih mudah prosedur-prosedure kerja pejabat sama ada dalam bidang pentadbiran, perkhidmatan ataupun kewangan.

Berhubung dengan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat, Kerajaan Pusat mempunyai kriteria-kriteria yang khusus bagi menentukan peruntukan-peruntukan pembangunan kepada tiap-tiap negeri. Antaranya ialah mengenai penyediaan pegawai-pegawai yang cekap serta berpengalaman untuk melaksanakan perancangan dan pembangunan. Dalam hubungan ini Kerajaan sentiasa memberi

latihan-latihan yang berunsurkan pembangunan menerusi kursus-kursus di INTAN. Di samping itu bagi jawatan-jawatan Persekutuan yang dibayar oleh Kerajaan-kerajaan Negeri, pertimbangan sentiasa diberi bagi menempatkan pegawai-pegawai yang mahir dan berpengalaman untuk mengisi jawatan-jawatan yang berkenaan. Kerajaan juga akan menaikkan taraf Pegawai Kemajuan Negeri kepada satu taraf yang lebih tinggi di masa sekarang. Sementara itu Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia telah diminta mengkaji langkah-langkah yang sesuai bagi meningkatkan lagi cara-cara Kerajaan Persekutuan dapat menambahkan bantuan kakitangan yang diperlukan oleh sesebuah Kerajaan Negeri supaya membantu Kerajaan Negeri itu mempercepatkan rancangan projek-projek pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kangar menyentuh tentang penyelarasan pelaksanaan projek-projek pembangunan di antara Jabatan-jabatan. Mengenai perkara ini Kerajaan adalah selalu mengesan kemajuan pelaksanaan projek-projek pembangunan untuk menentukan pelaksanaan projek-projek pembangunan itu adalah sempurna dan licin. Masalah-masalah dan isu-isu yang menghindarkan projek-projek ini sentiasa diberi perhatian yang berat bukan sahaja di peringkat Pegawai tetapi juga di peringkat para Menteri. Sebagai satu langkah bagi membaiki lagi jentera pentadbiran dan proses-proses pekerjaan ke arah menyelesaikan masalah-masalah kelemahan-kelemahan yang ada Kerajaan telah membentuk satu Jawatankuasa Kabinet khas untuk mengkaji masalah-masalah pelaksanaan projek bagi membolehkan tindakan diambil untuk mempercepatkan pelaksanaan projek-projek Rancangan Malaysia Ketiga di samping merangka strategi bagi pelaksanaan Rancangan Malaysia Keempat. Jawatankuasa ini juga dibantu oleh satu Jawatankuasa Peringkat Pegawai yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara. Jawatankuasa Kabinet bermesyuarat seminggu sekali dan di mana yang perlu Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan tertentu dijemput untuk memberi taklimat kepada Jawatankuasa mengenai fungsi pelaksanaan serta program dan projek-projek Kementerian atau Jabatan dan masalah-masalah yang mungkin dihadapi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kangar, Jawatankuasa telah menumpukan perhatian kepada aspek perancangan, penyelarasan dan pelaksanaan projek. Antara perkara-perkara yang dikaji adalah termasuk peraturan-peraturan prosedur dan undang-undang yang terlibat dalam perancangan dan pengurusan pelaksanaan projek, keupayaan agensi-agensi pelaksana, kekurangan tenaga mahir, kewangan, bahan-bahan binaan serta hubungan antara agensi-agensi dan pelaksanaan dan penyelenggaraan projek tersebut. Di mana terdapat projek-projek yang tergendala kerana sesuatu sebab yang tertentu, Jawatankuasa akan membuat keputusan semasa bermesyuarat bagi menyelesaikannya. Bagi masalah-masalah yang rumit yang tidak dapat diselesaikan di mesyuarat, Jawatankuasa akan mengarahkan supaya kajian yang mendalam dijalankan oleh agensi-agensi berkenaan untuk dikemukakan bagi pertimbangan Jawatankuasa. Jawatankuasa dapat mengesyorkan strategi baru mengenai dasar dan cara pelaksanaan serta penyelenggaraan projek. Melalui usaha ini Kerajaan berharap dapat memperbaiki dan mengubahsuaikan projek-projek yang ada, mengukuhkan keupayaan dan kecekapan pengurusan serta menyelaraskan peranan dan perjalanan jentera-jentera Kerajaan di peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah.

Berhubung dengan kenyataan Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah tentang kekurangan pegawai dan kakitangan di peringkat daerah dan jajahan, sebenarnya adalah terlalu umum. Jika di Pejabat-pejabat Daerah atau Jajahan terdapat kekurangan kakitangan untuk melaksanakan projek pembangunan, Jabatan yang berkenaan hendaklah mengemukakan permohonan jawatan tambahan kepada Kerajaan Negeri dan pertimbangan boleh diberi untuk menambahkan kegiatan jika benar-benar diperlukan. Bagi mengatasi masalah kekurangan pegawai dan kakitangan, Kerajaan telah melancarkan rancangan "Operasi Isi Penuh" untuk mempercepatkan lagi pengambilan kakitangan di dalam perkhidmatan awam yang sangat-sangat diperlukan untuk menjalankan kerja-kerja demi melaksanakan projek-projek pembangunan dan perkhidmatan awam. Pengambilan di bawah Operasi Isi Penuh seperti biasa berdasar kepada syarat-syarat kelayakan, kemahiran dan penyediaan calon bagi perkhidmatan yang mereka itu diambil.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas tentang perkara kurang puas hati di kalangan pegawai Kerajaan berhubung dengan sistem pertukaran pegawai-pegawai Kerajaan, sukacita saya menjelaskan bahawa penempatan pegawai-pegawai Kerajaan di tempat bertugas adalah berasas kepada kepentingan perkhidmatan dan penyesuaian pegawai itu dengan bidang tugas berkenaan. Walaupun dalam perancangan penempatan pegawai, kecenderongan pegawai itu sendiri juga diambil pertimbangan tetapi tidak semua pegawai dapat ditempatkan dalam jawatan-jawatan yang dikehendakinya memandangkan kepada ramainya pegawai-pegawai dalam sesuatu tingkatan dan sesuatu perkhidmatan dan kadangkala tidak terdapat cukup pegawai untuk menampung permohonan yang diterima untuk bertukar ke tempat yang sama.

Mengenai dengan dakwaan tentang sistem kenaikan pangkat yang menekankan kepada kekananan (seniority) saya suka menafikan kenyataan tersebut. Di dalam urusan kenaikan pangkat seperti dalam Perintah Am Bab 'A', dasar yang dipertimbangkan ialah kebolehan seseorang itu yang ditentukan mengikut kecekapan menjalankan kerja serta juga sifat peribadi termasuk ketuhan, kelulusan serta pengalaman-pengalaman yang sesuai dengan jawatan yang dikehendaki. Kekananan dalam perkhidmatan hanya akan diambil kira apabila 2 atau lebih pegawai yang didapati mempunyai kebolehan yang sama. Usaha sedang diambil untuk memperkemas lagi urusan kenaikan pangkat di peringkat Kementerian dan Jabatan melalui perbincangan dan pengenalan yang rapi di dalam urusan kenaikan pangkat yang dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Tumpat, Kerajaan sedang pun menghantar lebih ramai penuntut-penuntut Melayu keluar negeri untuk dilatih dalam berbagai-bagai bidang. Selagi tempat-tempat pengajian tinggi tidak mencukupi di Malaysia untuk menampung penuntut-penuntut yang berkelayakan dari semua kaum, maka Kerajaan akan menguruskan penghantaran penuntut-penuntut yang berkelayakan itu ke seberang laut. Dengan cara ini lebih sesuai penuntut-penuntut akan mendapat pengajian tinggi pada tiap-tiap tahun.

Bagaimanapun, adalah difikirkan tidak perlu ditubuhkan sebuah tabung pinjaman khas untuk tujuan ini. Oleh kerana melalui Sekretariat Penyelaras di Kementerian Pelajaran sekarang, usaha menambahkan biasiswa ke arah ini boleh dibuat melalui agensi-agensi Kerajaan yang sudah sedia ada. Sekiranya peruntukan biasiswa agensi-agensi ini masih tidak mencukupi ia boleh ditambah dari semasa ke semasa.

Mengenai syarat-syarat pemberian biasiswa sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih, Kerajaan sememangnya mengenakan syarat-syarat bahawa penuntut-penuntut mesti kembali ke Malaysia serta merta selepas tamat kursus. Petikan daripada syarat perjanjian adalah seperti berikut:

“Bahawa ia hendaklah melaporkan dengan segera iaitu sebaik-baik sahaja keputusan diisytiharkan oleh Universiti, Kolej atau Institusi kepada Kerajaan atau wakil yang mungkin ditetapkannya akan keputusan peperiksaan penggal, semester, tahunan atau ahli-ahli seperti yang dimasukinya.”

Pada keseluruhannya penuntut-penuntut itu mematuhi syarat-syarat ini tetapi terdapat juga segelintir penuntut yang tidak mematuhi. Untuk mereka ini tindakan mengikut syarat-syarat perjanjian adalah diambil seperti meminta penjelasan mengapa mereka lewat kembali. Jika perlu tuntutan gantinya akan diambil terhadap mereka.

Berhubung dengan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah adalah dijelaskan bahawa Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung memanglah seharusnya mengadakan mesyuarat yang lebih kerap di samping menjadi mata dan telinga Kerajaan dalam memikirkan soal-soal pembangunan dan keselamatan. Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung adalah sentiasa berhubung rapat dengan Jawatankuasa Pembangunan Peringkat Daerah dalam memastikan kedudukan masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat sesuatu kampung. Walau bagaimanapun, perlu diingatkan bahawa Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung adalah terletak dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri dan adalah diharapkan juga Kerajaan Negeri akan

menggunakan seluruh jentera Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung dalam menentukan pembangunan di kampung-kampung supaya dapat berjalan dengan lancar. Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung adalah merupakan jentera pentadbiran yang mempunyai hubungan rapat dengan rakyat dan oleh kerana itu syor-syor dan pandangan-pandangan serta pendapatnya akan sentiasa mendapat perhatian dari pihak Kerajaan.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar, pada masa sekarang sudah ada agensi-agensi seperti FELCRA, FELDA dan RISDA yang menumpukan kegiatan pentadbiran pengurusan ladang secara besar-besaran di peringkat perdagangan. Walau bagaimanapun, agensi Kerajaan seperti Lembaga Urusan dan Tabung Haji dan Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara mempunyai anak-anak syarikat yang bergiat dalam bidang pengurusan ladang sama ada getah atau kelapa sawit. Oleh itu penubuhan sebuah lagi agensi Kerajaan untuk tujuan yang sama adalah difikirkan tidak perlu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar menyentuh tentang Rancangan Buku Hijau. Adalah dimaklumkan bahawa Rancangan Buku Hijau masih diteruskan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Rancangan Buku Hijau peringkat pertama telah dilancarkan pada tahun 1974 bagi menggalakkan rakyat bercucuk tanam di kawasan rumah masing-masing bagi mengatasi inflasi. Pada tahun 1976 Rancangan Buku Hijau peringkat kedua telah dilancarkan dengan tujuan untuk meninggikan pendapatan peladang, meninggikan pengeluaran dan melanjutkan kegiatan pertanian yang dilaksanakan secara pertanian moden untuk perdagangan. Di dalam peringkat kedua ini Jabatan-jabatan dan agensi-agensi pertanian dipadukan untuk menjayakan program Buku Hijau ini dengan memberi perkhidmatan nasihat, bantuan input pertanian dan perkhidmatan perkembangan yang diselaraskan oleh Pegawai Daerah kepada petani-petani.

Di samping itu, Kerajaan juga sedang menimbangkan untuk menggiatkan Rancangan Buku Hijau dengan lain-lain usaha pembangunan masyarakat seperti rancangan pemulihan kampung dan sebagainya.

Kempen Buku Hijau pada peringkat pelancarannya dan untuk beberapa ketika selepas itu telah diberi publisiti serta tekanan penerangan yang pesat sehingga rancangan tersebut telah mencapai kejayaan lebih dari yang diduga. Mengenai kempen ini Radio dan Televisyen Malaysia terus memberi tekanan kepada segala rancangan-rancangan yang ada kaitan dengan rancangan luar bandar, pertanian, perikanan, penternakan dan sebagainya. RTM telah menubuhkan satu bahagian khas yang dinamakan Bahagian Pembangunan dan Pertanian untuk menyelenggara dan memberi tekanan kepada soal-soal pertanian. Walaupun rancangan-rancangan yang disiarkan itu tidak bertajuk Buku Hijau tetapi konsep-konsep pembangunan serta pertanian yang terkandung di dalam rancangan-rancangan seperti Halaman Pertanian adalah mendokong konsep-konsep serta aspirasi rancangan pertanian sebagaimana yang terkandung di dalam Rancangan Buku Hijau.

Menyentuh tentang kegiatan dakwah yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, ingin saya memaklumkan bahawa kegiatan Dakwah Islamiah yang sebenarnya tidak harus dikaitkan dengan peristiwa berdarah yang berlaku di Batu Pahat baru-baru ini. Tragedi tersebut tidak ada hubungan dengan kegiatan Dakwah Islamiah yang dilakukan oleh pertubuhan-pertubuhan dakwah yang bekerja menyampaikan Dakwah Islamiah di atas prinsip menyeru kepada kebaikan dan mencegah dari kemungkaran.

Jika Ahli Yang Berhormat dari Matang membuat andaian bahawa kegiatan Dakwah Islamiah yang menelurkan bibit-bibit ke arah tragedi tersebut, maka ianya amat mendukacitakan kerana sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum istilah Dakwah itu sendiri sudah memberi pengertian yang cukup jelas dan tidak seharusnya menimbulkan keraguan. Kegiatan Dakwah Islamiah adalah tidak ada kaitannya dengan peristiwa tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telahpun mewujudkan Jawatan-kuasa mengkaji ajaran salah yang dipengerusikan oleh seorang Menteri yang bertanggungjawab kepada Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri. Antara bidang tugasnya ialah mengkaji ajaran-ajaran yang dikaitkan dengan ugama Islam termasuk seni silat mempertahankan diri. Dan mengemukakan

syor-syor untuk menyelesaikan masalah kajian ini kepada Jabatan Ugama Negeri-negeri untuk tindakan masing-masing.

Secara keseluruhannya objektif Jawatan-kuasa ini ialah untuk mengelakkan orang-orang Islam daripada mengikut ajaran-ajaran yang menyeleweng dari ajaran-ajaran Islam yang sebenarnya.

Mengenai syor daripada Ahli Yang Berhormat dari Kangar supaya diadakan undang-undang bagi mengatasi masalah-masalah yang berkaitan dengan dakwah, sukacita saya memaklumkan bahawa Fasal 4 Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan iaitu undang-undang negeri dan mengenai Wilayah Persekutuan, undang-undang Persekutuan boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa iktikad atau kepercayaan ugama antara orang-orang yang menganuti ugama Islam. Senarai 2 (Senarai Negeri) Jadual Ke 9 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan antara lain ialah mengawal pengembangan iktikad dan kepercayaan antara orang-orang yang menganuti ugama Islam. Oleh yang demikian, selain daripada Wilayah Persekutuan, mengikut peruntukan-peruntukan Perlembagaan yang disebutkan di atas Parlimen tidak ada apa-apa kuasa bagi meluluskan sesuatu akta dakwah yang mengadakan peruntukan bagi mengawal pengembangan iktikad dan kepercayaan di antara orang-orang yang menganut ugama Islam. Peruntukan mengadakan undang-undang seperti ini adalah kuasa yang ada dalam tangan tiap-tiap Negeri.

Ahli Yang Berhormat dari Keningau telah mengesyorkan supaya Rancangan Malaysia Keempat tidak dikaitkan dengan 'profit motivation'. Rancangan Malaysia Keempat seperti Rancangan-rancangan yang dahulu tidak ada dikaitkan dengan 'profit motivation' sahaja, sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tetapi akan menepati kehendak-kehendak sosial dan ekonomi. Di dalam hubungan ini kepentingan rakyat dan kemajuan negara adalah menjadi panduan.

Mengenai peruntukan tambahan Kerajaan dari masa ke semasa, bersedia menambah peruntukan untuk menampung perbelanjaan bagi menyiapkan projek-projek yang mengalami kenaikan kos akibat daripada kenaikan-kenaikan harga dan lain-lain sebab yang tidak dapat dielakkan.

Mengenai perpaduan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Damansara, adalah ditegaskan bahawa segala aktiviti dan dasar Kerajaan yang dibuat itu bermatlamatkan kepada perpaduan negara. Ini telah dibuktikan dari rancangan-rancangan pembangunan, Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pelajaran Kebangsaan dan lain-lain lagi. Pendek kata, tanpa pembangunan kita tidak dapat mencapai perpaduan, sebaliknya tanpa perpaduan kita tidak dapat membangun. Dengan lain-lain perkataan, pembangunan dan perpaduan negara adalah sandar-menyandar dan dapat perhatian khas dalam usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan.

Konsep perpaduan negara bukanlah semata-mata konsep yang dibebankan ke atas Kerajaan sahaja. Ia merangkum seluruh kehidupan manusia sama ada individu ataupun bermasyarakat. Tanpa kerjasama oleh semua rakyat dan Kerajaan, kita tidak dapat mencapai perpaduan negara dengan secepat mungkin.

Untuk menuju ke arah ini, seperti Ahli Yang Berhormat sedia termaklum, Kerajaan terutama sekali melalui agensi-agensinya, melalui Jabatan Rukun Tetangga dan Perpaduan Negara sebagai urusetia dan penggerak jentera Kerajaan telah dan sedang menjalankan aktiviti-aktiviti yang dapat mendekatkan rakyat dari berbagai kaum supaya mereka dapat bercampur gaul dan mengenali antara satu sama lain dan dengan demikian terjalinlah perasaan muhibbah dan perpaduan seperti yang kita kehendaki.

Tetapi adalah tidak menasabah untuk kita mengukur sejauh mana perpaduan telah dicapai. Begitu juga kita tidak dapat membuat ramalan tentang tarikh bilanya integrasi rakyat itu dapat dicapai. Ini semuanya bergantung kepada faktor-faktor yang tersebut di atas dan juga kepada faktor-faktor politik dan ekonomi. Saya tegaskan di sini juga bahawa faktor politik, jikalau politik itu berbau perkauman adalah menyumbang kepada iklim yang tidak baik dalam suasana kita bekerja ke arah pencapaian perpaduan negara. Oleh itu adalah diharapkan semua parti politik termasuk kesatuan-kesatuan dan persatuan-persatuan sukarela hendaklah juga memainkan peranan masing-masing dalam usaha menyatupadukan

rakyat di negara ini. Setiap organisasi tentu mempunyai pengikutnya dan melalui kegiatan-kegiatan organisasi benih-benih atau unsur-unsur perpaduan hendaklah ditanam atau diutamakan.

Ahli Yang Berhormat dari Damansara telah juga menyentuh masalah rasuah dan bertanya apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk mencari langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini. Beliau membangkitkan masalah rasuah dalam bidang perumahan di mana terdapat "under counter payment" supaya dapat membeli sebuah rumah. Beliau menegaskan bahawa pihak Biro Siasatan Negara patut mengambil tindakan atas pegawai-pegawai Kerajaan yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti multi-million business. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu Biro Siasatan Negara sedang giat menyiasat semua kegiatan-kegiatan rasuah yang dilaporkan kepadanya. Under counter payment adalah salah satu kesalahan yang sedang disiasat oleh Biro ini berkaitan dengan kesalahan-kesalahan rasuah yang dilakukan oleh firma-firma dan pemaju-pemaju perumahan. Biro Siasatan Negara tidak mengetahui di atas aktiviti-aktiviti multi-million business yang dikatakan melibatkan pegawai-pegawai Kerajaan itu. Sekiranya Ahli Yang Berhormat itu mempunyai bukti-bukti yang lengkap mengenainya, saya amat suka mendapatkannya maklumat-maklumat yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar juga telah menyebut tentang masalah berhubung dengan ketiadaan Penasihat Undang-undang di negeri Perlis oleh kerana Penasihat Undang-undang sekarang ini adalah Penasihat Undang-undang Perlis/Kedah.

Tuan Yang di-Pertua, lantikan Penasihat Undang-undang yang berasingan bagi negeri Perlis adalah satu perkara yang perlu diputuskan oleh Kerajaan Negeri Perlis seperti telah dijawab dalam Dewan ini pada 26hb Jun, 1980. Setakat ini Jabatan Peguam Negara tidak menerima secara rasmi apa-apa permohonan untuk mengemukakan nama seseorang pegawai undang-undang untuk dilantik sebagai Penasihat Undang-undang Negeri Perlis. Sekiranya keadaan memerlukan dan permohonan sedemikian dibuat, Jabatan Peguam Negara akan menimbangkan perkara itu dengan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, hanya sekian yang dapat saya jelaskan mengenai beberapa perkara yang berkaitan dengan Jabatan Perdana Menteri yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini. Seperti yang telah saya katakan mana-mana perkara atau pandangan-pandangan yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diambil perhatian untuk ditimbang oleh Kerajaan. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong belanjawan bagi Jabatan Perdana Menteri, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk menjawab.

4.58 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk memberi penjelasan di atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh Kementerian saya semasa perbincangan dasar Belanjawan 1981.

Ahli Yang Berhormat dari Semerah telah menyentuh perkara-perkara berkaitan dengan Zoo dan Aquarium Negara serta juga Taman Negara sebagai hujah untuk menarik pelancong ke negara ini.

Saya mengucapkan terima kasih di atas perhatian Ahli Yang Berhormat dari Semerah berkenaan dengan Zoo Negara tentang bayaran masuk yang dikatakan tinggi. Bayaran masuk ke Zoo Negara pada masa ini ialah \$2.50 bagi seorang dewasa dan \$1.00 bagi seorang kanak-kanak serta bayaran konsesi bagi kanak-kanak sekolah yang dibawa dalam satu rombongan, dikenakan hanya 30 sen seorang sahaja.

Perkara berkenaan dengan bayaran telahpun dikaji dari segi bayaran-bayaran masuk bagi tempat-tempat hiburan seperti di panggung wayang yang mana bayarannya adalah tidak banyak berbeza dari bayaran masuk ke Zoo Negara.

Walau bagaimanapun, Kementerian saya sedang mengkaji perkara ini dan perbincangan dengan pihak Zoo Negara sedang

diteruskan untuk mencari satu sistem supaya bayaran masuk ke Zoo Negara ini dapat dikurangkan.

Berkenaan dengan keadaan binatang-binatang dan keadaan Zoo keseluruhannya pihak Zoo Negara telahpun memohon kepada Kementerian saya untuk bantuan kewangan bagi memajukan Zoo ini. Di bawah tempoh Rancangan Malaysia Ketiga, Kerajaan telah membelanjakan wang sejumlah \$1,924 juta untuk kemajuan Zoo Negara dengan berbagai projek termasuklah mendapatkan tambahan binatang-binatang. Seorang pegawai veterina telah diambil oleh pihak Zoo Negara bagi menjaga kesihatan binatang-binatang dalam Zoo pada tahun ini.

Saya ingin juga memaklumkan bahawa Taman Negara yang ada di negara ini bukan hanya untuk menarik pelancong sahaja, tetapi adalah diutamakan untuk pemuliharaan hidup-hidupan dan tumbuh-tumbuhan yang terdapat di negara ini. Di bawah Akta Taman-taman Negara yang baru sahaja diluluskan oleh Dewan pada tahun ini, Kementerian saya akan berunding dengan Kerajaan-kerajaan Negeri bagi mendapatkan beberapa kawasan untuk dijadikan Taman-taman Negara khususnya seperti di kawasan Endau-Rompin di negeri Pahang dan Johor, dan kawasan negeri di Kelantan dan kawasan Belum di Perak. Pengwujudan Taman-taman Nenggiri ialah bagi maksud pengekalan dan pemuliharaan tumbuh-tumbuhan dan hidup-hidupan liar serta tempat-tempat yang menarik dan indah untuk tujuan pendidikan rekreasi dan kesihatan serta penyelidikan sains untuk faedah rakyat masa kini dan juga jenerasi akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menjelaskan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh berkenaan dengan penempatan kilang-kilang di kawasan-kawasan luar bandar yang telah menjejaskan pertanian. Kerajaan sedar akan masalah ini dan tindakan-tindakan telahpun diambil oleh Kementerian saya seperti menyediakan garis-garis panduan kepada semua Kerajaan-kerajaan Negeri dan pihak-pihak Berkuasa Tempatan, memberi nasihat berkenaan penempatan kilang-kilang perusahaan yang dinamakan Environmental Impact Assessment. Pihak Berkuasa Tempatan serta Kerajaan-kerajaan Negeri boleh mengemukakan kepada Kementerian saya untuk nasihat sebelum sesuatu tapak perusahaan diluluskan

bagi menentukan yang kesan-kesan buruk dari perusahaan-perusahaan itu dapat dikesan dan syarat-syarat dikenakan sebelum perusahaan diluluskan oleh pihak yang berkenaan. Kaedah-kaedah ini adalah dikenakan bagi kawasan-kawasan perusahaan yang baru atau dicadangkan sahaja dan memang benar ada kilang-kilang dan perusahaan-perusahaan yang telah wujud sebelum kuatkuasa Akta Kawalan Alam Sekeliling, 1974. Akta itu adalah membekalkan peraturan-peraturan dibuat untuk mencegah pelepasan-pelepasan dari kilang-kilang perusahaan yang membahayakan alam sekitar termasuk pertanian.

Dua perusahaan besar negara ini khasnya kilang kelapa sawit dan kilang getah telah diadakan peraturan-peraturan tertentu yang sedang dilaksanakan bagi mencegah pelepasan-pelepasan yang merosakkan tanaman dan hidupan dalam sungai. Begitu juga bagi kilang-kilang perusahaan yang lain yang tidak mengeluarkan pelepasan-pelepasan berbentuk air, Kerajaan juga mengadakan peraturan bagi kilang-kilang yang mengeluarkan asap ataupun bunyi bising. Pegawai-pegawai dari Kementerian saya sentiasa mengambil tindakan ke atas perusahaan-perusahaan yang didapati mengeluarkan pelepasan-pelepasan yang melebihi had ataupun paras yang sepatutnya. Untuk tujuan ini Kementerian saya telah diberi peruntukan untuk menambatkan kakitangan supaya tindakan atau usaha-usaha kawalan yang lebih efektif dijalankan seperti Yang Berhormat dapat saksikan dari Anggaran Belanjawan 1981 yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Tujuan kawalan-kawalan itu yang dibuat dengan lebih intensif adalah bagi mencegah pencemaran alam sekitar yang boleh membahayakan kesihatan dan kesejahteraan rakyat serta menjaga harta benda dan tumbuhan termasuk pertanian. Kilang-kilang perusahaan diberi tempoh berperingkat supaya dapat mengadakan sistem pengawalan pencemaran yang berkenaan. Bagi kilang-kilang baru, sesebuah kilang itu hendaklah mendapat lesen dari Kementerian saya jika ianya mengeluarkan pelepasan sama ada pelepasan air, ataupun asap sebelum dapat menjalankan perusahaannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil peluang ini bagi menjelaskan teguran yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson yang menca-

dangkan supaya bantuan teknikal dan saintifik diberi oleh Kerajaan melalui agensi Kerajaan seperti SIRIM kepada kilang-kilang tempatan supaya dapat mengeluarkan barang-barang yang lebih bermutu.

Untuk makluman, tugas ini telah dan sedang dijalankan oleh SIRIM, satu agensi di bawah Kementerian saya sejak tahun 1975. Kilang-kilang tempatan adalah digalakkan mendapat sijil atau lesen dari SIRIM yang menentukan serta mengesahkan kualiti barangan berkenaan.

Setakat ini sudah lebih dari 300 barang-barang keluaran tempatan telah diberi lesen piawaian atau sijil "Certificate of Conformity" oleh SIRIM. Kelmarin sahaja saya telah menyampaikan kepada 45 pengusaha-pengusaha tempatan untuk 58 barangan yang kualitinya adalah sama dan ada yang lebih tinggi dari barangan yang diimport. Bagi tahun hadapan, Kementerian saya melalui SIRIM akan memperluaskan perkhidmatan ini dengan mengadakan pejabat-pejabat cawangan di beberapa kawasan termasuk untuk negeri Sabah dan Sarawak. Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan.

5.10 ptg.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur yang Belanjawan tahun 1981 ini telah mendapat sambutan yang baik dan begitu meriah dari semua pihak sama ada yang berada di dalam Dewan ini, ataupun yang berada di luar Dewan.

Saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, yang telahpun menyatakan sokongannya terhadap Belanjawan yang telah dikemukakan oleh saya dan telah mengambil berat mengkaji isi Belanjawan ini dan lain-lain dokumen yang berkait dengannya. Segala buah fikiran dan teguran yang membina yang telah dikemukakan itu sudah tentulah berguna bila Kerajaan menimbangkan pelaksanaan belanjawan, terutama sekali yang berkaitan dengan langkah-langkah membantu pengusaha-pengusaha kecil dan golongan yang berpendapatan rendah. Saya akan cuba memberi penjelasan secara am

sahaja kepada perkara-perkara yang telah pun dibangkitkan dalam masa Ahli-ahli Yang Berhormat membahaskan ucapan Belanjawan itu.

Ekonomi Malaysia telah bertumbuh dengan mantapnya dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Prestasi yang baik ini adalah berkat dari dasar-dasar yang baik yang telah dijalankan oleh Kerajaan di bidang ekonomi dan kewangan. Dan ini telah memberi manfaat kepada sekalian rakyat Malaysia, yang tinggal di bandar dan di luar bandar. Kerajaan akan terus mengambil langkah-langkah membaiki lebih jauh lagi nasib dan kebajikan rakyat yang berpendapatan rendah selaras dengan matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru. Inilah sebabnya belanjawan tahun 1981 ini telah disusun khusus bagi faedah golongan pengusaha-pengusaha kecil (the small man) yang memang memainkan peranan yang besar di dalam ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, soal inflasi adalah salah satu masalah yang paling serius di dalam ekonomi kita hari ini. Saya suka menegaskan sekali lagi bahawa Kerajaan akan menggunakan segala daya upayanya membendung inflasi melalui langkah-langkah fiskal, kewangan dan pentadbiran. Langkah-langkah ini sudah cukup dijelaskan jadi tidak perlulah saya menghuraikan dengan lebih lanjut dalam jawapan saya ini dan saya telah memperakukan beberapa langkah lagi mengenai hal ini dalam ucapan Belanjawan saya bagi tahun 1981. Bahkan Kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil langkah-langkah baru, jika difikirkan perlu.

Saya telah banyak kali menegaskan bahawa perjuangan menentang inflasi tidak dapat dipikulkan ke bahu Kerajaan semata-mata. Perjuangan ini memerlukan kewaspadaan yang aktif dan kerjasama yang penuh dari setiap rakyat Malaysia. Setiap tindakan yang diusahakan oleh rakyat ke arah ini akan membantu Kerajaan mengatasi bencana inflasi. Sebaliknya, kalau rakyat berpelutubuh dan menyerah saja bila diserang inflasi, maka inflasi akan bermaharajalela.

Kerajaan tidak pernah memperkecilkan bahaya inflasi. Ataupun cuba mengelirukan Ahli-ahli Yang Berhormat tentang kehebatan inflasi yang sebenar dengan sengaja merendahkan Angkatunjuk Harga Pengguna yang kita gunakan untuk mengukur kadar inflasi

sebagaimana yang didakwakan oleh pihak pembangkang. Angkatunjuk Harga Pengguna adalah suatu alat yang menunjukkan secara umum tetapi boleh diguna untuk mengukur kadar inflasi dan banyak negara menggunakannya. Keadaan ekonomi di Malaysia sudah selalu sangat dikaji dan diukur oleh pakar-pakar yang bebas, termasuklah Bank Dunia dan Tabung Wang Antarabangsa. Dan saya belum pernah tersua atau mendengar yang siasatan pakar-pakar ini ada mengatakan yang kadar inflasi Malaysia amat tinggi atau melambung bahkan mereka menerima cara kita mengukur kadar inflasi dalam negaranya. Walau dengan ukuran apa sekali pun, kadar inflasi kita adalah sederhana saja. Dan rakyat Malaysia, termasuklah Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak pembangkang, patut merasa syukur yang mereka terlepas dari bencana inflasi yang tinggi yang sekarang menyusahkan negara-negara lain, termasuklah beberapa jiran kita.

Tuah kita ini banyak sekali mengambil berkat dari langkah-langkah yang tegas dijalankan oleh Kerajaan sejak inflasi bertapak di negara kita ini dalam tahun 1974. Berbagai subsidi telah dilancarkan. Berbagai langkah telah dijalankan untuk mengawal harga barang-barang yang terutama sekali dari golongan yang berpendapatan rendah. Inilah sebabnya maka Angkatunjuk Harga Pengguna dapat menunjukkan keadaan yang stabil dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Akan tetapi, ada juga barang-barang yang harganya naik ke tingkat yang lebih wajar baru-baru ini kerana ditekan oleh inflasi yang tinggi dari luar negeri. Oleh itu Angkatunjuk Harga Pengguna pun mulalah sama turut menunjukkan harga naik sedikit, seperti yang telah dilaporkan bagi tempoh sembilan bulan pertama tahun 1980.

Tak berapa lama lagi Kerajaan akan mengambil satu lagi langkah untuk mempertajam senjata kita melawan inflasi. Kita akan mengadakan angkatunjuk harga yang khusus bagi luar bandar. Kita sekarang sedang mengumpulkan angkatunjuk yang berasingan antara bandar dengan luar bandar, kerana arah-aliran harga dan corak perbelanjaan orang bandar dengan orang luar bandar tentulah tidak sama. Jabatan Perangkaan sedang menjalankan satu penyiasatan mengenai Perbelanjaan isi rumah dengan tujuan menyusun satu siri Angkatunjuk Harga yang baru yang berasaskan ukuran

harga tahun 1980. Siri baru ini dijangka dapat dikeluarkan dalam tahun 1981, menggantikan angkatan yang ada sekarang ini yang berasaskan ukuran harga tahun 1967. Selain dari itu, data Angkatunjuk Harga Pengeluaran juga sedang dirancangan. Semuanya langkah-langkah ini, sudah tentulah akan memperkukuhkan cara mengesan perjalanan harga supaya dapat kita mengambil tindakan yang lebih segera melaksanakan dasar-dasar dan strategi-strategi bagi melembutkan tekanan inflasi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai maklum, Malaysia adalah pengeksport yang terkemuka bagi beberapa barangan utama dan kita mengenakan duti eksport ke atas barangan-barangan ini. Duti-duti eksport ini mustahak bagi kita supaya dapat menampung perbelanjaan negara yang semakin besar untuk memenuhi keperluan sosio-ekonomi rakyat. Duti-duti eksport sekarang menyumbangkan kira-kira 20 peratus kepada jumlah besar hasil dalam negeri. Oleh itu nyatalah kita tidak upaya memansuhkan duti-duti eksport.

Walau bagaimanapun, Kerajaan telahpun mengambil kesempatan menukar asas duti eksport di dalam Belanjawan bagi tahun 1980 dahulu. Menurut asas baru itu, maka duti ke atas barangan yang dieksport hanyalah akan dikenakan ke atas harga setelah menolak kos pengeluaran. Cara ini yang dinamakan cost plus concept dalam bahasa Inggeris telahpun meredakan bebanan yang ditanggung oleh pengeksport-pengeksport. Kos pengeluaran bagi setiap barangan adalah sentiasa disemak semula. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tentu bersetuju bahawa cara ini adalah adil kepada pengeluar dan juga kepada Kerajaan.

Saya telah mencadangkan beberapa langkah yang akan memberi manfaat secara langsung kepada pengusaha-pengusaha kecil yang terdiri dari pesawah padi, pekebun-kecil getah, pekerja, peniaga kecil dan lain-lain yang termasuk dalam lingkungan rakyat yang berpendapatan rendah. Saya suka menekankan semula faedah-faedahnya langkah-langkah ini.

Bagi meningkatkan pendapatan pesawah padi kita dan bagi menggalakkan mereka meningkatkan daya pengeluaran mereka, maka subsidi kupon atas pembelian padi telah dinaikkan. Begitu juga nelayan, Kera-

jaan berharap dapat meningkatkan pendapatan dan daya pengeluaran mereka dengan kemudahan-kemudahan seperti bot ikan, projek ikan air tawar dan lain-lain subsidi.

Pekebun-pekebun kecil getah menghasilkan kira-kira 60 peratus dari pengeluaran getah negara kita. Untuk menggalakkan mereka menanam semula dengan benih yang lebih tinggi hasilnya supaya mereka dapat meningkatkan pendapatan mereka, maka Kerajaan telah menaikkan bantuan penanam semula. Mereka juga akan diberi subsidi pendapatan setiap bulan sehingga pokok getah mengeluarkan hasil. Selain dari itu, saya telah juga menukar asas mengenakan duti eksport mengikut gred-gred getah yang tertentu yang bakal dieksport. Jadi pekebun-kecil getah akan dapat menikmati pendapatan secara lebih adil dan saksama daripada yang dahulu yang menggunakan cara mengenakan duti semata-mata ke atas satu saja gred getah, iaitu RSS 1.

Selain dari langkah-langkah membantu sektor luar bandar ini, baik juga saya tegaskan bahawa Kerajaan terus memberikan keutamaan yang tinggi kepada usaha memperbanyak dan memperbaiki kemudahan-kemudahan infrastruktur di kawasan luar bandar, seperti meningkatkan mutu jalan-jalan raya di kampung-kampung, mengadakan bekalan elektrik, bekalan air dan kemudahan-kemudahan perubatan dan pelajaran.

Berhubung dengan kaum pekerja pula, kadar caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan kadar faedah atas caruman akan dinaikkan. Jadi, kaum pekerja bolehlah mengharapkan wang simpanan mereka lebih banyak lagi bila mereka bersara kelak. Untuk membantu kaum pekerja membeli rumah, saya telah mengarahkan pihak KWSP menimbangkan satu skim yang membolehkan pencarum menggunakan sebahagian dari pencaruman mereka untuk membeli rumah. Untuk meningkatkan bekalan perumahan kos rendah, Kerajaan sudahpun menambahkan wang tabungan kepada semua Kerajaan-kerajaan Negeri supaya mereka dapat membina lebih banyak lagi rumah-rumah kos rendah.

Ada juga di antara Ahli-ahli Yang Berhormat mencadangkan supaya Kerajaan memberi bantuan yang lebih besar kepada negeri-negeri yang kurang maju. Saya suka

memaklumkan bahawa tujuan utama projek-projek pembangunan Kerajaan ialah hendak mengurangkan lagi perbezaan di segi pembangunan antara negeri-negeri dan wilayah-wilayah yang kurang maju dengan negeri-negeri dan wilayah-wilayah yang sudah maju. Oleh itu Kerajaan sentiasa mengutamakan supaya negeri-negeri yang kurang maju diberikan peruntukan yang cukup untuk membolehkan mereka melaksanakan projek-projek pembangunan masing-masing dengan lebih giat lagi. Sebagai maklum, Kerajaan sudahpun memberikan peruntukan tambahan yang besar kepada negeri-negeri yang kurang maju untuk melaksanakan projek-projek pembangunan mereka berikutan dengan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga.

Kerajaan memang menggalakkan bertumbuh dan berkembangnya golongan usahawan kecil kerana merekalah yang menjadi asas yang kukuh bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi kita. Oleh itu saya telah mengadakan beberapa jenis galakan serangkai. Yang istimewa di antara galakan-galakan ini ialah satu skim pinjaman khas yang membolehkan usahawan-usahawan kecil meminjam wang dari bank tanpa cagaran. Untuk membantu usahawan-usahawan bumiputra pula, MARA telah diberi peruntukan yang lebih besar lagi.

Tuan Yang di-Pertua, tahun-tahun yang akan datang adalah suatu zaman yang mencabar dan menguji keutuhan dan ketahanan ekonomi kita, oleh kerana keadaan ekonomi dunia yang tidak menyenangkan dan suasana ekonomi dalam negeri yang semakin mendapat tekanan daripadanya. Oleh itu kita hendaklah bersedia menghadapi cabaran dan ujian ini. Tetapi kalau kita dapat mengekalkan keutuhan dan ketahanan ekonomi kita, dan diperkuat pula dengan langkah-langkah fiskal dan kewangan dari Kerajaan, saya rasa kita akan berjaya menghadapi segala cabaran dan ujian, dan mungkin pula dapat memperhebatkan lagi prestasi ekonomi kita, insya' Allah. Tetapi kita jangan sekali-kali merasa puashati dengan apa yang sudah kita ikhtiarkan. Mustahaklah bagi para petani, pengeluar, pekerja dan peniaga kita sentiasa meningkatkan daya pengeluaran mereka untuk melipatgandakan hasil perusahaan dan perindustrian mereka.

Kerajaan sudah menjalankan peranannya dengan mengadakan berbagai-bagai galakan dan subsidi. Nyatalah kita tidak dapat

meningkatkan bantuan-bantuan ini ke tahap-tahap yang lebih tinggi lagi kerana perbelanjaannya sudahpun amat besar. Jadi kita semua hendaklah sedia memainkan peranan masing-masing supaya ekonomi kita terus bertambah dan dinamis. Ini kita boleh jalankan bukan saja dengan membanyakkan simpanan dan pelaburan, tetapi dengan apa jua ikhtiar yang kreatif dan produktif yang dipupuk dengan semangat dedikasi untuk berbakti sama-sama menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih makmur dan rakyatnya lebih sentosa, ria dan selamat.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$8,477,158,169 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1981, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjaan Persekutuan 1981 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 36 tahun 1980, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Jemput Yang Berhormat Menteri.

Jadual—

Anggaran Pembangunan, 1981

5.28 ptg.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Raza-leigh Hamzah): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada \$11,533,962,320 yang diperuntukkan di dalam Anggaran Belanja Mengurus, 1981 di bawah Maksud Bekalan B. 1 hingga B. 65 bagi Kementerian-kementerian berkenaan dijadikan Jadual; dan wang sejumlah tidak lebih daripada \$8,477,158,169 yang diperuntukkan di dalam Anggaran Pembangunan 1981 di bawah Maksud Pembangunan P.8 hingga P.10, P.17, P.19 hingga P.22, P.24 hingga P.33 P.36, P.38 dan P.39, P.41 dan P.42 dan P.45 hingga P.66 bagi Kementerian-kementerian berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 1981 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 36 Tahun 1980 dijadikan Anggaran Perbelanjaan.

Saya tidak berhajat untuk memberi ucapan yang panjang dalam peringkat Jawatankuasa ini oleh kerana saya telahpun menghuraikan tujuan-tujuan utama mengenai peruntukan Anggaran yang dicadangkan itu dalam Ucapan Belanjawan saya pada 17hb Oktober yang lalu. Teks ucapan itu telahpun diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Di samping itu penjelasan-penjelasan lanjut ada terkandung di dalam penyata dari Kementerian Kewangan mengenai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 1981 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 35 Tahun 1980 dan juga buku Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi 1981 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 37 Tahun 1980. Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah merujuk kepada dokumen-dokumen ini sebagai panduan dalam perbahasan kelak. Penjelasan-penjelasan lanjut mengenai perkara-perkara yang akan dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan itu nanti akan diberi oleh Yang Berhormat Menteri-menteri berkenaan di dalam ucapan menggulung mereka masing-masing.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

USUL PENANGGUHAN DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

KEBAKARAN DI BANGUNAN LAMA BANK BUMIPUTRA, KUALA LUMPUR

Tuan Yang di-Pertua: Dewan sekarang ditangguhkan untuk membahaskan Usul sebagaimana yang telah dipersetujui pada permulaan tadi di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1). Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar mengemukakan Usulnya.

5.30 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Speaker, saya bangun mengemukakan satu Usul yang telahpun dibentangkan dalam Dewan ini tadi. Dan di sini saya suka mengucapkan tahniah kepada Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah ucapan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lee Lam Thye: Dan dapatlah memberikan satu peluang kepada Dewan ini untuk merundingkan satu perkara tertentu demi kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan. Apabila saya mencadangkan Usul saya pada petang ini, saya ada menyatakan bahawa adalah sangat mustahak berkenaan dengan apa yang telah berlaku semalam iaitu kebakaran di bangunan lama Ibu Pejabat Bank Bumiputra.

Tuan Speaker, saya pun ada kata bahawa nampaknya kita tidak langsung mempelajari daripada pelajaran yang pahit yang kita perolehi selepas satu kebakaran yang besar, yang dahsyat yang telah berlaku di Kompleks Membeli Belah Campbell lebih kurang 4 tahun yang lalu. Kenyataan bahawa satu lagi bangunan bertingkat tinggi, bangunan lama Ibu Pejabat Bank Bumiputra, menghadapi satu lagi bencana kebakaran, dengan jelasnya menunjukkan ketidakupayaan Kerajaan, pihak yang berkenaan, pihak yang berkuasa memadamkan api di bangunan-bangunan bertingkat tinggi di bandaraya Kuala Lumpur.

Memandangkan apa yang telah berlaku kepada Kompleks Membeli Belah Campbell pada kira-kira 4 tahun lalu dan sekarang kebakaran di bangunan lama Ibu Pejabat

Bank Bumiputra, orang ramai sekarang sesungguhnya ragu, takut dan bimbang akan kebakaran di bangunan-bangunan bertingkat tinggi di mana-mana tempat pun di bandaraya Kuala Lumpur. Mereka juga bimbang sama ada Pihak Berkuasa Tempatan ada memberikan pertimbangan yang cukup kepada perkara-perkara tentang keselamatan daripada aspek menyelamatkan kebakaran di bangunan-bangunan bertingkat tinggi. Adakah peraturan-peraturan keselamatan yang dikenakan di tiap-tiap bangunan bertingkat tinggi itu telah dilaksanakan. Adakah semua bangunan mempunyai kelengkapan atau alat pemadam api yang cukup untuk menghadapi sesuatu emergency yang mungkin berlaku atau yang akan berlaku, jika cukup adakah ianya sentiasa diperiksa oleh pihak yang berkuasa bagi memastikan kemampuannya. Adakah penghuni-penghuni yang tinggal di bangunan-bangunan bertingkat tinggi sentiasa diberikan syarahan-syarahan ataupun latihan-latihan mengenai pencegahan api dan apa yang perlu dibuat sekiranya berlaku satu kebakaran? Adakah pernah pemeriksaan mengejut dilakukan oleh pihak berkuasa ke atas semua sistem pencegahan api di tiap-tiap bangunan bertingkat tinggi? Terdapat banyak lagi, Tuan Speaker, soal keselamatan di bangunan-bangunan tinggi yang perlu dijawabkan.

Undang-undang Kecil Bangunan Wilayah Persekutuan ada memperuntukkan keperluan pencegahan kebakaran maksima di bangunan-bangunan bertingkat tinggi di bandaraya. Tetapi adakah semua bangunan di bandaraya ini dilindungi oleh undang-undang kecil yang saya sebutkan tadi. Bagaimana pula dengan bangunan-bangunan yang dibina sebelum pindaan-pindaan terhadap undang-undang bangunan yang telah diluluskan pada tahun 1975. Tuan Speaker, semua solan ini memerlukan satu jawapan yang jujur.

Tuan Speaker, kebakaran yang berlaku di bangunan lama Ibu Pejabat Bank Bumiputra adalah satu lagi tragedy yang kita tidak dapat lupakan dalam sejarah negara ini, sejauh mana pencegahan kebakaran yang berkaitan dilaksanakan di negara kita ini. Ini adalah kali kedua kebakaran besar pernah berlaku di bangunan bertingkat tinggi sejak tahun 1976 apabila kita menyaksikan tragedy kebakaran di Kompleks Campbell. Walaupun sekarang sudah empat tahun sejak kebakaran di Kompleks Campbell dan walaupun kemusnahan berlaku di masa itu apabila

kebakaran berlaku, Jabatan Bomba langsung tidak berupaya menolong. Pelajaran daripada Kompleks Campbell itu masih belum lagi dipelajari.

Sebagai yang saya perkatakan di dalam usul saya, kita nampaknya tidak belajar daripada pelajaran dan pengalaman kebakaran api di Kompleks Campbell. Apa yang lebih penting ialah soal sama ada kita ada mencari atau mendapatkan pelajaran daripada kebakaran Campbell itu. Saya masih ingat bahawa sebaik sahaja kebakaran api di Kompleks Campbell itu yang berlaku pada tahun 1976, Kerajaan telah umumkan ia akan menubuhkan satu Jawatankuasa khasnya untuk menyiasat sebab-sebab kebakaran itu. Anggota-anggota Jawatankuasa Penyiasat itu mengandungi daripada berbagai-bagai jabatan-jabatan Kerajaan yang bertindak dan yang dipertanggungjawabkan untuk menyiasat; ada menjalankan tugasnya untuk menyiasat. Tetapi kesudahannya ia telah menjadi kes yang tertutup. Tidak seorang pun yang tahu macam mana penyiasatan itu dijalankan. Dan sekarang lebih 4 tahun sejak kebakaran Campbell dan penyiasatan yang dijalankan itu sehingga sekarang tidak seorang pun yang tahu apa sudah berlaku dengan hasil penyiasatan itu. Ini pun hanya selepas saya mengulangi beberapa kali pertanyaan di dalam Dewan yang mulia ini barulah kita diberitahu bahawa penyiasatan telahpun disiapkan dan satu laporan telahpun disediakan, disusun dan telah dikemukakan kepada Kabinet.

Pada awal tahun ini, semasa Parlimen bersidang, apabila saya bertanya sama ada laporan tersebut akan diumumkan kepada orang ramai supaya rakyat khasnya mangsa-mangsa kebakaran mendapat maklumat penuh sebab-sebab kebakaran itu dan kenapa kita tidak berupaya memadamkannya, barulah saya diberitahu bahawa ianya terpulang kepada Kabinet untuk memutuskan sama ada laporan itu dapat atau tidak dapat diumumkan. Dan sekarang Kabinet nampaknya pun belum membuat apa-apa keputusannya; itu apa yang saya tahu, belum membuat apa-apa keputusan tentang perkara itu.

Adalah mendukacitakan bahawa Kerajaan tidak hendak mengumumkan keputusan laporan Kompleks Campbell itu dan saya akan terperanjat jika Kerajaan . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tolong tumpukan kepada usul. Usul ini berkenaan dengan kebakaran. Saya tahu Yang Berhormat hendak kaitkan perkara sebelum ini tetapi cuba tumpukan kepada usul itu.

Tuan Lee Lam Thye: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebab saya menyentuh ini ada kaitan dengan apa yang saya

Tuan Yang di-Pertua: Saya tahu dan saya benarkan tadi tetapi jangan panjang yang itu. Usul ini ialah berkenaan kebakaran bekas bangunan Bank Bumiputra.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, sebelum daripada kebakaran Kompleks Campbell kita telahpun pernah mengalami kebakaran seperti sebahagian Hotel Holiday Inn di Kuala Lumpur, tidak pernah disebut apa-apa penyiataan bahkan kalau ada tidak seorang pun yang tahu puncanya.

Saya menyentuh di atas hal ini kerana ianya ada kaitan dengan apa yang telah berlaku pada petang semalam berkenaan dengan bekas bangunan Bank Bumiputra itu. Kebakaran yang berlaku di bangunan lama Ibu Pejabat Bank Bumiputra itu jelas menunjukkan bahawa Jabatan Bomba kita langsung tidak berupaya menolong dalam memadamkan api yang bermula dari tingkat 4 bangunan itu. Saya terpaksa menjelaskan di sini bahawa saya tidak berkata Jabatan Bomba tidak bekerja dengan baik. Jabatan Bomba telah melakukan tugasnya dengan baik di bawah keadaan itu pada petang hari semalam terutamanya dalam menyelamatkan seorang mangsa yang terperangkap dalam kebakaran itu dengan menggunakan Simon Snorkel. Bagaimana baiknya yang mereka lakukan, mereka masih tidak berupaya menolong sepenuhnya dalam memadamkan kebakaran itu daripada merebak ke tingkat-tingkat atas bangunan 13 tingkat itu, sebabnya adalah senang sahaja. Sebabnya ialah negara kita tidak dilengkapi ataupun Jabatan Bomba tidak cukup dilengkapi bagi mengendalikan pemadaman kebakaran di bangunan bertingkat tinggi yang lebih 10 tingkat yang boleh dicapai oleh Simon Snorkel ataupun Skylift. Bagaimanapun, daripada saksi-saksi yang menyaksikan tragedi itu yang saya berpeluang untuk bertemu dengan mereka, sewaktu saya sampai secara tergesa-gesa ke tempat kebakaran dan daripada bangunan Parlimen ini oleh sebab

tempat itu terletak dalam kawasan saya dan saya rasa adalah bertanggungjawab untuk melawat tempat itu dan berdialog dengan pihak-pihak yang berkenaan. Saya terpaksa menyatakan bahawa Jabatan Perkhidmatan Bomba nampaknya tidak boleh dikatakan ada bertindak cekap sepenuhnya, meskipun mereka melakukan sebaik-baiknya pada hari semalam.

Saya sedar bahawa terdapat beberapa aspek tertentu di mana Jabatan Perkhidmatan Bomba boleh memperbaikinya terutama berhubung dengan penggunaan alat pemadam api bagi memadam api; apa yang saya maksudkan ialah berkenaan dengan penggunaan fire hydrant di tempat itu. Orang ramai yang menyaksikan berkata bahawa pasukan pemadam yang pertama sampai di tempat kejadian itu menghadapi beberapa kesulitan dalam menempatkan di mana fire hydrant itu. Ini hendaknya tidak harus berlaku. Tuan Yang di-Pertua, jika pemeriksaan sentiasa dilakukan oleh pihak berkuasa ke atas semua fire hydrant di bandaraya Kuala Lumpur.

Juga perlu Jabatan Bomba memastikan bahawa mereka boleh sampai ke tempat kebakaran itu dengan cepat. Meskipun kebakaran itu berlaku lebih kurang pada jam 3.40 petang tetapi pasukan pertama pemadam api hanya sampai lebih kurang pada jam 4.45 petang dan Simon Snorkel sampai pada jam 4.26 petang sahaja. Ini mungkin disebabkan oleh kesesakan lalu-lintas sebab Kuala Lumpur banyak traffic-jams. Tetapi saya rasa Jabatan Perkhidmatan Bomba hendaklah bertindak lebih cekap dan patutlah mencari satu jalan yang lebih berkesan untuk mengatasi apa-apa masalah yang mungkin akan mereka hadapi.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi kenyataan yang serius dapat diperolehi daripada kebakaran pada hari semalam ialah bahawa kita tidak ada perkhidmatan helikopter khas yang boleh menolong memadamkan ataupun mengawal kebakaran ataupun menyelamatkan nyawa-nyawa di sebuah bangunan bertingkat tinggi. Ini adalah satu hal yang sangat serius. Jika kita tidak boleh dapat pertolongan dan bantuan daripada 2 buah syarikat persendirian di mana mereka telah menghantarkan helikopter mereka bagi menolong mereka yang terperangkap di dalam bangunan itu, saya kluatir bahawa 11 atau 12 nyawa tidak akan dapat diselamatkan. Saya melahirkan penghargaan saya

kepada kedua-dua buah syarikat tersebut kerana perkhidmatan mereka terutama 2 orang juruterbang (pilot) helikopter yang telah melakukan kerja yang cemerlang dalam mendaratkan helikopter mereka bagi menyelamatkan mereka yang terperangkap dalam bangunan itu. Saya mesti melahirkan tentang helikopter dari RMAF (Royal Malaysian Air Force) yang sampai lewat selepas diberitahu mengenainya. Kebakaran bermula lebih kurang pada pukul 3.40 petang dan pada pukul 4.20 petang kebakaran telah sampai ke tingkat 8 bangunan itu tetapi helikopter dari RMAF sampai lebih kurang pada jam 5.10 petang. Tuan Yang di-Pertua, jika kita bergantung kepada pertolongan RMAF, saya khuatir bahawa kita menghadapi kesusahan yang serius untuk menyelamatkan nyawa mangsa-mangsa itu.

Tuan Yang di-Pertua, ini ialah perkara-perkara yang saya rasa penting dan saya terpaksa memberitahu Dewan ini. Jika kita tidak boleh melakukannya kemudian timbul soalan; apa yang saya sebutkan sekarang ialah sekiranya kita rasa tidak ada kemampuan untuk menghadapi masalah yang saya telah sebutkan tadi nampaknya masa telah timbul soalan berkenaan dengan kawalan bangunan, kawalan perancangan (planning control) kita di bandaraya sama ada kita harus dan patut menggalakkan pembinaan bangunan yang bertingkat tinggi di bandaraya Kuala Lumpur. Ini adalah soal penting yang ditanya kerana pada pandangan saya, melainkan Dewan Bandaraya atau pihak berkuasa Bandaraya dijamin bahawa terdapat cukup pencegahan terhadap kebakaran dan cara mengatasi semua kecemasan maka baharulah kita memudahkan pembinaan bangunan bertingkat tinggi.

Tuan Speaker, berbalik kepada soal kebakaran itu tadi bahawa masanya telah tiba bagi saya menggunakan peluang ini untuk menggesa supaya satu penyiasatan menyeluruh ke atas kebakaran di bangunan lama Bank Bumiputra diadakan supaya menyiasat sebab-musabab yang mengakibatkan kebakaran dan mengeluarkan satu laporan berikutnya untuk makluman orang ramai, terutamanya untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini. Apa yang lebih penting ialah Kerajaan hendaklah menubuhkan satu perkhidmatan helikopter khas yang tetap untuk menghadapi apa-apa emergency untuk memadam api dan menyoong menyelamatkan mangsa-mangsa.

Akhirnya saya rasa bahawa Yang Berhormat Menteri ataupun Timbalan Menteri yang berkenaan mestilah bertanggungjawab penuh kepada perkara ini apa yang telah berlaku semalam dan saya suka meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri nanti boleh memberi satu jawapan yang bertanggungjawab kepada apa yang saya telah bawa ke dalam Dewan ini.

Izinkan saya menyatakan di sini bahawa membangkitkan perkara ini bukan oleh sebab hal politik ataupun saya hendak mencapai atau score political points untuk Parti DAP tetapi saya nampak ini adalah satu perkara yang amat penting dan saya berharap bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pihak pemerintah atas satu perkara yang penting ini boleh memberi hujah-hujah mereka boleh menyokong usul saya ini oleh sebab ini adalah satu usul yang saya rasa adalah sesuai dan wajar dibentangkan ke dalam Dewan ini untuk perbahasan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang menyokong usul ini?

5.53 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Speaker, saya bangun untuk menyokong usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

Terlebih dahulu saya perlulah mengucapkan ribuan terima kasih atas satu keputusan yang telah dibuat oleh Tuan Speaker dan juga dengan kerjasama dari Kerajaan Barisan Nasional untuk membolehkan Dewan yang mulia ini pertama kali untuk berpeluang membahaskan perkara yang begitu mustahak dan perlu disegerakan demi kepentingan nyawa orang ramai dan kepentingan rakyat Malaysia.

Tuan Yang Pertua: Perbahasan atau usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 ini sudah lebih daripada sekali.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Speaker, apa yang kita cuba menteropongi, mengkaji dan meneliti ialah apakah sebabnya dalam tragedi kebakaran semalam Balai Bomba Malaysia tidak boleh hantar Pasukan Helikopter untuk menjalankan emergency rescuency untuk memadamkan bukan sahaja api di bangunan ini, juga untuk menyelamatkan harta benda dan nyawa manusia yang

terlibat dan terperangkap dalam bangunan lama Bank Bumiputra. Ini satu tanda tanya yang sudah banyak dibangkitkan oleh rakyat Malaysia sejak kebakaran di Campbell Complex pada tahun 1976—kita sudah ketahui dan saksikan tetapi selama 4 tahun ini Dewan yang mulia ini perlu, berhak untuk mengetahui apa sebab Kerajaan masih tidak boleh memperlengkapkan Pasukan Perkhidmatan Bomba kita dengan berkelengkapan pasukan-pasukan helikopter untuk menjalankan tugas emergencynya yang mungkin terlibat beratus-ratus nyawa.

Kalaulah perkara ini berlaku di Johor, di Perak, di Pulau Pinang atau lain-lain tempat di mana tidak ada helikopter boleh sampai dalam masa 20 minit, bolehkah kita fikir berapa nyawa manusia akan dikorbankan, akan dibakar hangus. Kalaulah perkara ini berlaku di Bangunan Parlimen di mana ramai Ahli-ahli selalu berehat di atas bangunan itu, kalaulah di sana berlaku kebakaran, berapakah Ahli Dewan Rakyat ini akan dibakar hangus? Adakah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sungguh-sungguh mengkaji dan mempertimbangkan perkara ini kerana di Kuala Lumpur sahaja ada berapa blok high-rise buildings, hotel-hotel, kompleks dan bangunan-bangunan Kerajaan di mana ada beberapa printing di dalam bangunan-bangunan itu. Kalaulah satu kali berlakunya kebakaran umpamanya di Bank Bumiputra, apakah malapetaka akan tertimpa pada masa depan negara kita. Ini bukan satu perkara boleh ditidak-apakan atau dicuainya tanpa memperhitungkan akibat dan consequences yang berpunca dari kebakaran di Bank Bumiputra. Memang ini merupakan satu pengajaran yang sangat pahit, sangat costly yang kita pelajari tetapi nampaknya Kerajaan, khasnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan langsung tidak mengambil berat perkara ini.

Pertama saya hendak mempersoalkan adakah bangunan-bangunan yang bertingkat-tingkat tinggi yang ada seluruh Malaysia ini sudah diperiksa kelengkapan keselamatan tiap-tiap bloknya, umpamanya rumah pangsa yang melebihi 12 tingkat dan lain-lainnya? Adakah perkara ini sudah diperiksa dan dipastikan bahawa semua langkah-langkah keselamatan telah diambil untuk membolehkan penghuni-penghuni rumah pangsa, hotel-hotel dan bangunan-bangunan kompleks Kerajaan atau swasta supaya mangsa-mangsa ini boleh melepaskan diri dalam masa yang

singkat dengan selamat tidak akan terjun dari atas? Nasib baik semalam tidak ada seorang terjun dari Bank Bumiputra. Kalau tidak helikopter sampai, saya yakin tentu lebih ramai kakitangan Kerajaan dari bangunan lama Bank Bumiputra akan terjun kerana hendak selamatkan nyawa mereka. Kalaulah ini berlaku umpamanya di Amerika Syarikat yang kita boleh saksikan satu hotel beratus-ratus nyawa dikorbankan kerana mereka hendak selamatkan diri tak ada tempat bagi mereka lepaskan diri.

Di sini ada dua soalan pokok perlu dijawab oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Tadi saya sudah sebutkan apakah sebabnya hingga hari ini Malaysia dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sudah meluluskan beberapa blok high-rise building, tetapi adakah semua bangunan-bangunan yang tinggi ini telah dipasti atau diarahkan langkah-langkah keselamatan yang boleh menyelamatkan nyawa yang terperangkap dalam kebakaran?

Kedua, apakah sebab Pasukan Perkhidmatan Bomba kita tidak boleh diperlengkapkan sepertimana yang ada dalam tayangan TV rancangan 'Emergency'. Kita boleh belajar dari rancangan TV 'Emergency', di sana kita boleh lihat bagaimana standard emergency rescue sudah dijalankan bila ada berlakunya kebakaran.

Di sini kita perlu menunggu satu jawapan yang category, jujur, bersih dan lengkap daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, kerana rakyat Malaysia dan Dewan yang mulia ini tidak sanggup lagi untuk melihat berlaku sekali lagi tragedi kebakaran seperti di Campbell Complex dan di bangunan lama Bank Bumiputra. Kalaulah Dewan yang mulia ini boleh mengizinkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terus melalaikan tanggungjawabnya mengambil satu sikap 'tidak apa', biarlah mati, mampus semuanya tak apa, maka . . .

Tuan Yang di-Pertua: Perkataan 'mampus' tak layak digunakan di Dewan Rakyat ini.

Tuan Chan Teck Chan: Okay, saya tarik balik. Kalau begini sikapnya Kerajaan atau Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan maka DAP di sini adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk melihat dan memastikan Kerajaan dan Kementerian

Perumahan dan Kerajaan Tempatan sudah mengambil tindakan yang positif untuk memberitahu rakyat kedua-dua langkah yang saya sebutkan ini telah diambil berat dan sudah diambil tindakan oleh Kerajaan. Nanti kalau kita tidak dapat satu jawapan yang memuaskan dan kita menyaksikan bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan masih bersikap tidak apa, di sini saya perlu memberikan satu amaran kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan mungkin kita akan timbang dalam peringkat Jawatankuasa untuk memotong \$10 bagi Menteri Perumahan dan juga kita akan mendesak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menentukan Menteri yang tidak bertanggungjawab ini kerana kita tidak sanggup melihat perkara ini berlaku di lain-lain bangunan yang tinggi, yang mungkin akan memakan nyawa manusia dan hartabenda.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat ringkaskan kerana di bawah Usul ini hanya tidak lebih daripada satu jam dibenarkan.

Tuan Chan Teck Chan: Terima kasih.

Tuan Speaker, di sini saya adalah mendesak Kerajaan boleh memberikan satu jawapan yang jelas dan lengkap tentang kedua-dua pokok masalah yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau.

6.02 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh (Balik Pulau): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih diberi peluang kepada saya bercakap sepatah dua kata dalam perkara kebakaran yang berlaku di bangunan lama Bank Bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, dengan lulusnya permintaan atau permohonan daripada rakan saya Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar itu membuktikan bahawa tidak semua pendapat dan fikiran dari pihak Pembangkang itu ditolak bulat-bulat oleh pihak Kerajaan. Ada perkara-perkara walaupun dari Pembangkang tetapi kalau kita fikirkan baik, pihak Kerajaan sedia menerima dan mendengar tetapi belum tentu bersetuju. Kita hendak dengar apakah

pandangan dan pendapat daripada pihak Pembangkang kemudian kita timbang sama ada kita boleh terima atau tidak cadangan-cadangan yang mereka keluarkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju sama sekali dengan pandangan rakan-rakan saya tadi Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar mengatakan pasukan bomba kita ini kurang cekap dan kurang dedikasi dalam hal memadamkan kebakaran itu. Kalau kita baca dari akhbar, saya pun tidak dapat berita itu terus daripada orang yang berkenaan, dari laporan akhbar kita dapat tahu bahawa Timbalan Ketua Pengarah Bomba Malaysia sendiri, Tuan Haji Badaruddin bin Mat Isa telah bertungkus-lumus hingga beliau mendapat cedera dalam kebakaran ini. Ini menunjukkan bagaimana perhatian yang begitu berat diambil oleh pihak atau Jabatan Bomba untuk memadamkan kebakaran itu.

Satu lagi yang patut saya sebut ialah seorang lagi Pengarah Operasi Bomba Malaysia iaitu Encik Su Choi Hock yang beliau sendiri mengarahkan supaya salah seorang yang terperangkap yang akhirnya dapat diselamatkan oleh pihak bomba ini, beliau sendiri mengarahkan anggota-anggota dan pegawai-pegawainya menyelamatkan orang-orang yang terperangkap dalam kebakaran itu. Ini membuktikan dengan jelasnya bahawa pegawai-pegawai Jabatan Bomba itu bukan melihat sahaja atau bukan duduk di pejabat sahaja, mereka datang dan mereka sendiri yang mengarahkan kerja-kerja menyelamatkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal kebakaran ini dalam hujah-hujah dari dua orang rakan saya dari pihak Pembangkang tadi seolah-olah Kerajaan suka berlaku kebakaran ini. Tetapi kita tahu kebakaran ini ialah salah satu kemalangan biasa yang boleh berlaku di mana-mana, bukan di Kuala Lumpur sahaja bahkan di bandar-bandar besar yang lain.

Di bandar-bandar besar yang lain kalau berlaku kebakaran di rumah-rumah yang bertingkat-tingkat, ada kita dengar sampai sepuluh, dua puluh orang yang mati tetapi ini cuma seorang sahaja yang mati yang kita tahu, yang lainnya semua selamat. Ini menunjukkan bagaimana cekapnya anggota dan pegawai-pegawai bomba kita ini bekerja

walaupun mereka tidak mempunyai alat-alat yang sophisticated, yang lebih baik kalau kita bandingkan dengan negara-negara lain tetapi kemampuan prestasi yang mereka tunjukkan itu membuktikan bahawa mereka cukup cekap dan penuh dedikasi, mereka tidak mengira nyawa mereka sendiri, mereka cuba hendak menyelamatkan, memenuhi tanggungjawab yang dipertanggungjawabkan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar tadi mengatakan bahawa ahli-ahli bomba itu tidak dapat mencari di mana ada fire hydrant. Ini kita tidak dapatlah menuduh anggota-anggota bomba itu, kita tidak boleh mengharapkan anggota bomba itu boleh menghafal di mana ada fire hydrant pada tiap-tiap jalan. Ini mustahil. Dalam keadaan orang ramai yang berpusu-pusu hendak melihat, dalam keadaan kelam-kabut itu, kalau orang biasa pun dia akan menjadi confuse, menjadi kelam-kabut untuk mencari perkara ini. Kita tidak boleh mengharapkan terus anggota bomba itu dapat mencari dengan segera. Ini perkara yang mustahil dan saya fikir ini tidak patutlah kita salahkan anggota bomba itu tidak adil, tidak adil kita menuduh mereka ini lambat mencari fire hydrant dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan Yang Berhormat dua minit sahaja lagi.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya suka membuat cadangan, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Tuan Lee Lam Thye tadi mengatakan bahawa satu unit helikopter untuk memadamkan api ini patut diadakan. Tetapi saya tidak bersetuju unit ini ditubuhkan di Jabatan Bomba, sebab ia tidak mempunyai kemudahan-kemudahan latihan. Saya suka mencadangkan pihak Kerajaan supaya satu unit helikopter khas untuk memadamkan bangunan-bangunan tinggi yang terbakar. Unit ini hendaklah diwujudkan dalam TUDM sendiri. Alasan saya ialah TUDM mempunyai anggota-anggota yang terlatih dalam bidang menerbangkan helikopter dan mempunyai kelengkapan-kelengkapan yang cukup, tidak mesti Jabatan Bomba sendiri yang mengadakan unit ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya suka mencadangkan bahawa semua bangunan-bangunan tinggi, pelan-pelannya hendaklah dipinda supaya bangunan-bangunan tinggi yang lebih daripada 10 tingkat hendaklah disyaratkan supaya ada helipad atau pendaratan helikopter di atasnya. Ini dimestikan, ini untuk mengatasi masalah kebakaran yang akan berlaku kemudian kelak.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kepong selama 5 minit sahaja.

6.08 ptg.

Dr Tan Tiong Hong (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang ini dan berpendapat serupa dengan rakan saya dari Balik Pulau mengucapkan syabas dan tahniah kepada Perkhidmatan Bomba yang telah menyelamatkan dan memberi perkhidmatan untuk memadamkan kebakaran di bangunan lama Bank Bumiputra semalam.

Juga saya ingin di dalam Dewan yang mulia ini mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada pilot helikopter-helikopter yang juga telah memberi satu contoh kepada kita semua bagaimana di dalam satu kemalangan (emergency) kita semua sebagai rakyat harus tidak kira apa pangkat, apa profession atau kerja; kita memberi pertolongan sebagai civic consciousness.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya ingin memberikan pendapat saya berkenaan masalah fire hydrant. Pada pendapat saya di dalam Wilayah Persekutuan ada beberapa fire hydrant dan tempat fire hydrant itu diletakkan, saya ingat tidak ada satu pelan yang lengkap atau accurate, oleh kerana ada beberapa kali kebakaran seperti di Jinjang dan lain-lain tempat, pihak Bomba selalu menghadapi masalah untuk mencari tempat-tempat di mana fire hydrant diletakkan. Oleh kerana itu, saya harap pihak berkenaan bolehlah membuat satu pelan dan update pelan itu.

Yang kedua, berkenaan dengan pencegahan atau prevention di mana saya tahu masalah ini barangkali sprinklers system dan juga fire fighting system di dalam bangunan itu sendiri tidak boleh digunakan dan inilah salah satu perkara yang saya ingat mestilah apabila kita menyasat kebakaran itu pihak berkenaan menyasat sprinklers system bangunan itu.

Yang akhirnya, saya ingat di dalam Wilayah Persekutuan banyak bangunan-bangunan sekarang yang tidak digunakan atau separuh sahaja dapat digunakan dan security system tidak begitu bagus oleh kerana banyak pengguna-pengguna yang mengguna bangunan sudah pindah. Saya sendiri lihat security untuk bangunan-bangunan itu langsung tidak ada. Kita juga tahu di dalam Wilayah Persekutuan ada bermacam-macam anasir jahat seperti penghisap dadah, kumpulan kongsi gelap dan lain-lain golongan yang selalu menggunakan bangunan kosong yang tidak cukup security. Saya harap pihak berkenaan mengkaji berkenaan security bangunan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah.

6.13 ptg.

Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap satu kebakaran itu sama ada yang berlaku semalam ataupun sebarang kebakaran yang lain tetap merupakan satu tragedi yang sukar hendak dilupakan. Tetapi sekiranya kita hendak mempersalahkan sahaja pihak yang bertanggungjawab tanpa memperhitungkan apakah usaha-usaha yang telah dijalankan, maka kita adalah berlaku tidak adil kepada pihak yang bertanggungjawab. Walaupun saya merasai sedih di atas perkara yang berlaku semalam, tetapi kesedihan kita itu janganlah hendaknya diselubungi oleh usaha-usaha yang telah dijalankan selain daripada pihak-pihak bomba.

Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, untuk menyentuh pihak bomba sahaja seluruh bomba yang ada berdekatan dengan tempat ini telah berkejar sama ada mereka datang lambat atau cepat ini satu perkara yang patut diperhatikan dan dipersoalkan oleh pihak Kementerian berkenaan. Hakikat yang nyata ialah seluruh Pasukan Bomba daripada Wilayah Persekutuan, daripada Petaling Jaya, daripada Ampang, sehingga Pelabuhan Kelang dan Sungai Besi telah berkejar ke sini. Tentang kenapa begitu lambat pihak Bomba dapat menyelesaikan masalah api itu sehingga lewat, ini adalah satu perkara yang perlu disiasat dan sekiranya ada kedapatan perkara-perkara yang boleh diperbaiki maka di sini perlulah diperbaiki oleh pihak Kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin peralatan yang digunakan oleh pihak bomba itu tidak mencukupi, mungkin latihan-latihan yang pernah didapati oleh anggota bomba sendiri dalam menghadapi peristiwa semacam itu belum mencukupi, mungkin juga perkara-perkara lain, perkara kemanusiaan juga kurang atau belum lagi mencukupi untuk menghadapi masalah kecemasan seperti itu. Di samping itu, kita jangan melupakan hakikat bahawa usaha yang dijalankan oleh helikopter sama ada helikopter TUDM ataupun helikopter daripada syarikat Genting Highlands yang telah menyelamatkan sekurang-kurangnya mengikut liputan setakat hari ini seramai 12 orang.

Tuan Yang di-Pertua, usaha yang dijalankan oleh helikopter ini adalah satu perkara yang patut diberi pujian dan tahniah yang lebih lagi daripada pihak yang lain kerana setakat yang kita tahu helikopter sama ada TUDM ataupun Genting Highland, itu bukannya dilatih bertujuan untuk menyelamatkan ataupun untuk menghadapi masalah kebakaran seperti itu. Usaha-usaha yang dijalankan misalnya oleh sebuah helikopter untuk mengipas asap daripada menyelubungi seorang yang dapat diselamatkan itu adalah satu perkara, satu kenyataan yang tidak boleh ditenggelami oleh kenyataan-kenyataan sedih kita terhadap berlakunya kematian dan terhadap berlakunya kecederaan yang berlaku terhadap beberapa orang sama ada kaki-tangan bomba ataupun terhadap mangsa-mangsa yang lain yang terdapat di bangunan Bank Bumiputra yang lama itu.

Dalam pada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini benar-benar memerhatikan segala peralatan-peralatan bomba sama ada di Kuala Lumpur atau di mana-mana tempat sekalipun, terutama sekali yang ada hubungan dengan bangunan-bangunan tinggi hendaklah dikesan dan diperhatikan betul-betul. Ini terutama, Tuan Yang di-Pertua, mengenai fire hydrant. Kalau kita mengingat bahawa jalanraya di negara kita ini selalu sahaja diperbaiki dan mungkin kalau tidak diperiksa dengan begitu kerap dari masa ke semasa mungkin fire hydrant itu disembunyikan atau tersembunyi atau sengaja dilindungi oleh usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak-pihak yang lain itu. Dengan hal demikian, Tuan Yang di-Pertua, maka kita tidak hairan

kalau sekiranya berlaku sesuatu kemalangan anggota bomba tidak dapat mencari fire hydrant dengan begitu cepat sepertimana yang telah dilaporkan di tempat-tempat yang lain.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan supaya pihak Bandaraya dalam menghadapi masalah meluluskan pelan-pelan bangunan-bangunan baru, terutama sekali yang bertingkat-tingkat hendaklah ditentukan masalah keselamatan dari segi kebakaran ini hendaklah diutamakan. Sekiranya terdapat bangunan-bangunan yang tidak mempunyai cukup kelengkapan yang diperlukan jangan diluluskan dengan serta-merta.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan . .

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menjawab.

6.18 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu ingin menyatakan ucapan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar yang telah membawa usul ini dan penyokongnya serta Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional yang telah bercakap di dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan dari Kota Melaka bahawa Kerajaan tidak sekali-kali memandang kecil di atas kejadian ini dan Kerajaan bertanggungjawab sepenuhnya di atas kejadian ini. Dengan sebab itulah kami membenarkan usul ini dan dengan kebenaran Tuan Yang di-Pertua kami tidak membangkang usul ini kerana mengikut Peraturan Mesyuarat jika usul ini dibangkang atau diundi saya percaya usul ini tidak dapat dibawa oleh pihak Pembangkang untuk dibincangkan dalam Dewan ini. Ini menunjukkan kesanggupan kami menghadapi masalah ini dengan mendengar hujah yang dikeluarkan dan kesanggupan kami pula memberi penjelasan secara jujur.

Berhubung dengan seruan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan Kota Melaka supaya saya memberikan jawapan yang ikhlas dan jujur, maka saya sedia berbuat demikian. Tetapi yang menjadi masalahnya adalah pertanyaan dan perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, terutama sekali Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak jujur bagaimanakah saya akan memberi jawapan yang jujur?

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka menuduh kelemahan Kerajaan seolah-olah—seolah-olah jika sekiranya Perkhidmatan Bomba ini diletakkan di bawah parti DAP barangkali tidak akan seorangpun yang mati kebakaran dalam negara kita ini (*Tepuk*). Ini mengikut pendapat saya sebagai suatu anggapan yang tidak jujur kerana kematian, kebakaran adalah merupakan satu bencana yang kita hanya boleh mengawal dan kita tidak dapat menentukan ianya tidak berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin sebelum saya menjawab hujah-hujah yang dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat untuk memberi sedikit latar belakang tentang kejadian yang berlaku pada petang semalam. Kebakaran yang berlaku di bangunan lama Bank Bumiputra adalah suatu yang mendukacitakan. Kejadian tersebut telah diketahui oleh Jabatan Perkhidmatan Bomba pada jam 3.39 petang. Berikutan dengan itu sebanyak 5 buah kereta bomba telah dihantar iaitu 3 buah dari Jalan Shaw, sebuah dari Pudu dan sebuah dari Sentul. Mengikut pandangan Jabatan Perkhidmatan Bomba kebakaran tersebut telahpun berlaku setengah jam sebelum panggilan dibuat dan semasa kakitangan bomba yang pertama sampai di tempat kebakaran itu kebakaran telahpun merebak ke tingkat 3, 4, 5 dan 6 bangunan tersebut. Di samping itu juga ramai pekerja-pekerja di bangunan tersebut telah terperangkap di bahagian bumbung dan beranda bangunan. Kebakaran tersebut dipercayai bermula dari tingkat 4. Punca kebakaran yang sebenar belum dapat dipastikan lagi. Sementara itu Jabatan Bomba juga telah menghubungi pihak TUDM untuk meminta dihantar helikopter bagi membantu dalam gerakan menyelamat ini, ini mengikut persetujuan yang memang telahpun diuruskan di antara pihak Bomba dengan pihak TUDM di dalam perbincangan-perbincangan yang bermula pada tahun 1976 yang lalu dan pihak TUDM bersetuju membantu Bomba di

dalam menghadapi masalah kebakaran di bangunan-bangunan tinggi seumpama ini. Dalam gerakan menyelamatkan ini juga bantuan telah diterima daripada Genting Highlands dan Guthrie.

Saya bersama-sama dengan Ahli Yang Berhormat menyampaikan penghargaan saya dan Kerajaan kepada pihak-pihak yang berkenaan yang telah memberi khidmat yang cemerlang membantu menyelamatkan, terutama sekali dalam menyelamatkan nyawa mereka yang terlibat. Tindakan serta-merta yang diambil ialah anggota-anggota Bomba telah menyelamatkan mereka yang terperangkap dengan menggunakan alat-alat pernafasan. Mereka yang terlibat ialah seramai 52 orang, 18 orang daripada mereka di dalam bangunan, seramai 38 orang telah diselamatkan melalui helikopter skylift telah juga digunakan untuk menyelamatkan mereka yang terperangkap di beranda. Di samping kerja menyelamatkan nyawa dijalankan tindakan juga diambil untuk mengawal kebakaran daripada merebak dengan menggunakan 11 buah kereta bomba iaitu yang datang kemudian selepas daripada 5 buah yang pertama daripada Wilayah Persekutuan, Petaling Jaya, Kelang dan Kuala Kubu. Seramai 87 anggota bomba terlibat dalam gerakan ini. Bekalan air telah didapati daripada sungai Gombak. Dalam gerakan ini Jabatan Bomba berjaya menyelamatkan tingkat bawah iaitu satu, dua dan tiga dan tingkat-tingkat di atas daripada Tingkat empat, iaitu tempat bermulanya kebakaran iaitu tingkat lapan dan sepuluh telah dapat juga diselamatkan dan pihak bomba juga telah dapat mengawal daripada api itu merebak ke bangunan-bangunan lain di sekeliling bangunan yang ada itu. Ini perlu diperhatikan kerana selain daripada kita melihat kerosakan yang berlaku kepada kebakaran pada satu bangunan yang tertentu itu, kita juga perlu melihat kepada bangunan-bangunan lain yang telah dapat diselamatkan hasil daripada usaha yang telah dijalankan oleh pihak bomba itu. Dalam gerakan ini juga 11 orang anggota bomba telah mengalami kecederaan. Api dan asap didapati merebak terlalu cepat melalui saluran penghawa dingin mengakibatkan asap memenuhi seluruh bangunan dan ini menyulitkan kerja para penyelamat untuk masuk ke bangunan tanpa menggunakan alat pernafasan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini bangunan tersebut telah dibina pada tahun 1970 iaitu sebelum Undang-undang Kecil Pencegahan Kebakaran dikuatkuasakan iaitu pada tahun 1974. Walau bagaimanapun, tindakan telah diambil untuk meningkatkan sistem pencegahan kebakaran dan tanggatangga melepaskan diri di bangunan tersebut, pelan-pelan berkaitan telahpun diproses.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang hendak membela pasukan Bomba secara membutatuli, barangkali pandangan-pandangan Ahli Yang Berhormat menunjukkan beberapa kelemahan berlaku mungkin betul dan ianya perlu diperbaiki dan diatasi dari semasa ke semasa. Tetapi sukacita saya menyatakan di sini adalah tidak adil—adalah tidak adil—kita meletakkan kesalahan ini 100% di atas anggota-anggota bomba yang mana kita tahu telah bertungkus-lumus bersedia menghadapi sebarang bahaya pada diri mereka sendiri untuk mencegah kebakaran ini dan juga menyelamatkan mangsa-mangsa kebakaran itu.

Saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dari Balik Pulau yang telah memberi penghargaan atas khidmat-khidmat yang diberi oleh anggota Pasukan Bomba ini.

Tuan Yang di-Pertua, Pasukan Bomba telah juga berjaya di dalam beberapa perkara yang pertama ialah Pasukan Bomba yang pertama telah sempat tiba ke tempat kebakaran itu dalam 10 minit selepas panggilan diterima. Ahli Yang Berhormat patut ingat kita tidak boleh mengira daripada waktu mula kebakaran itu berlaku kerana mustahil ahli bomba akan berlepas ke sana kalau ahli bomba tidak mengetahui kebakaran ada berlaku. Ahli bomba hanya bertindak selepas menerima panggilan sebagaimana yang saya sebutkan tadi iaitu pihak bomba menerima panggilan kira-kira pada pukul 3.39 minit petang dan dalam masa 10 minit sahaja walaupun keadaan jalan-jalan pada masa itu jam dengan kenderaan-kenderaan telah dapat sampai ke tempat kebakaran dalam masa 10 minit sahaja. Ini satu penghargaan patut diberi dan mereka bekerja keras, sebagaimana yang saya sebutkan tadi sehingga membahayakan diri mereka dan mereka berjaya mengawal api ini daripada merebak ke bangunan-bangunan lain dan menyelamatkan

berjuta-juta ringgit lagi wang iaitu menyelamatkan bangunan-bangunan lain dan berjaya menyelamatkan mangsa kebakaran ini. Walaupun seorang telah mati di tempat kejadian itu, tetapi sebagaimana Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka membangkitkan tadi di tempat lainpun berlaku, bahkan di Amerika Syarikat pun berlaku beratus-ratus orang mati di dalam kebakaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menerangkan **satu perkara lagi iaitu perkara yang ditimbulkan oleh Anli Yang Bernormat dari Kuala Lumpur Bandar berhubung dengan laporan kebakaran Campbell Complex.** Mengenai laporan kebakaran Campbell Complex laporan telah disediakan dan diserahkan kepada Kabinet, sebagaimana Ahli Berhormat sendiri mengetahui. Tindakan-tindakan telahpun diambil oleh Kementerian ini sebagaimana yang disyorkan di dalam laporan tersebut tetapi

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Mengikut Peraturan Mesyuarat 18 (3) satu jam dibenarkan untuk perbincangan untuk mengambil keputusan, tetapi sudah lebih satu jam tidak ada keputusan, maka usul ini sebagaimana yang berjalan sahaja tidak diambil keputusan. Begitu juga, di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (3) iaitu urusan-urusan yang tidak dapat dijalankan dalam masa sejam hendaklah diganti iaitu sepatutnya bersidang sehingga 7.30 malam, tetapi oleh sebab hari ini ialah hari yang kedua jawapan daripada Yang Berhormat Menteri-menteri untuk menjawab dalam perbincangan Belanjawan ini dan bersidang dalam Jawatankuasa patut diadakan pada hari yang kemudiannya, maka saya tangguhkan Dewan ini sehingga jam 2.30 petang hari Selasa, 11hb November, 1980.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.